

Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2020 | BIL .32



Minggu Citra Akademik UniSZA
Sentuhan Insani Peneraju Transformasi

PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Hafizan Juahir
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Musa
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

Dr. Mohd Badrol Awang
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Pn. Norulhuda Makhtar
Ketua Pustakawan
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut

SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Antarabangsa

Pn. Roslida Abdul Razak
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad
Penerbit UniSZA

SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Pejabat Pendaftar
3. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
4. Fakulti Farmasi
5. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
6. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
7. Fakulti Informatik dan Komputeran
8. Fakulti Perubatan
9. Fakulti Sains Kesihatan
10. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
11. Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi
12. Pusat Pengajian Teras
13. Pusat Antarabangsa
14. Pusat Pengurusan Harta Benda
15. Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti
16. Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar
17. Pusat Islam UniSZA
18. Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
19. Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
20. Pusat Sukan dan Rekreasi
21. Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar, PPT
22. Prof. Dr. Harmacy Mohamed Yusoff, FP
23. Dr. Ras Azira Ramli, FP
24. Dr. Saiful Iskandar Khalit, FBIM

HAK CIPTA

Hak Cipta Terpelihara © 2020. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2020
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

Utama	4
Malim Saujana	6
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	29
Rencana	34
Pencapaian	38
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	43
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	54
Sukan dan Ko-Kurikulum	56
Terbitan UniSZA	60



MINGGU CITRA AKADEMIK UniSZA

Transformasi dalam sistem pendidikan negara merupakan suatu keperluan yang mesti dilaksanakan untuk memastikan pendidikan di negara ini seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri adalah suatu penggabungan dunia fizikal, digital dan biologi yang memberi kesan kepada semua disiplin. Transformasi akademik UniSZA menggariskan inisiatif secara bersinergi dalam mereka bentuk semula struktur kurikulum, menginovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta mempelbagaikan kaedah penaksiran dalam usaha mengoptimalkan pengalaman pembelajaran pelajar dan melahirkan graduan yang Kalis Masa Depan (*Future Proof Graduate*). Kurikulum Tersedia Masa Hadapan atau dikenali sebagai *Future Ready Curriculum* (FRC) merupakan salah satu elemen dalam plan strategik bagi tahun 2020 dan seterusnya. Bagi memastikan FRC dapat dijalankan dengan lebih berkesan, pendedahan serta praktikal yang komprehensif perlu dilaksanakan.

Sehubungan itu, Pejabat Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan menganjurkan Minggu Citra Akademik UniSZA dengan bertemakan Sentuhan Insani Peneraju Transformasi Pendidikan yang memfokuskan FRC dan *Flexible Education with Soul* (FlexS) dalam program serta kurikulum akademik. Program ini berlangsung pada 20-24 September di Dewan Al-Muktafi Bilah Shah, Kampus Gong Badak. Ia melibatkan seramai 350 orang peserta dalam satu-satu sesi yang terdiri daripada staf akademik. Ucaptama dan perasmian program ini disampaikan dan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memperkasa transformasi akademik dalam pembentukan kurikulum kaedah pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan inovasi akademik, meningkatkan kefahaman staf akademik berkenaan FRC dan FlexS serta mengadakan latihan secara praktikal dan komprehensif berkenaan kaedah serta teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dalam ucaptama beliau bertajuk 'Hala Tuju dan Transformasi Akademik UniSZA', menyatakan bahawa penumpuan kini diberikan kepada pemampunan ekosistem akademik. Transformasi Akademik yang akan dilaksanakan merangkumi empat komponen utama iaitu Murabbi Unggul, Pendidikan Tangkas, Infrastruktur dan Infostruktur Digital dan Pendidikan Berasaskan Nilai.





Program ini terbahagi kepada beberapa sesi yang dikendalikan oleh pakar dari UniSZA serta yang dijemput khas dari Universiti Awam yang lain. Antara pengisian sesi tersebut adalah *'Peer/ Self/FYP Assessment Using Workshop KeLIP'* yang disampaikan oleh Ts Aziman Abdullah dari Universiti Malaysia Pahang, *'Alternative Assessment'* yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim dari Universiti Utara Malaysia, *'What Makes an Educator Really Life-Inspiring?'* disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Hayati Abdullah dari Universiti Teknologi Malaysia, *'How to Design Impactful Online Course Content'*, *'How to Create Meaningful Online Activity'* dan *'How to Deliver Engaging Online Class'* disampaikan oleh Ts. Shahrul Nizam Junaini dari Universiti Malaysia Sarawak.

Ahli panel syarahan FlexS pula terdiri daripada Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh yang menyampaikan syarahan bertajuk *'Membumikan FlexS di Dataran Abidin'* dan Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad pula menyampaikan syarahan bertajuk *'Memahat FlexS di Bumi Wakafan'*. Moderator untuk sesi syarahan ini ialah Pengarah Pusat Pengajian Teras Prof. Madya To'Puan Nizaaita Omar.





Membumi FlexS di Dataran Abidin

Nizaita Omar, Ph.D
nizaitaomar@unisza.edu.my

Cabaran dunia pendidikan yang semakin pantas akibat letusan Revolusi Industri (RI) 4.0, mendorong UniSZA membentuk satu gagasan transformasi akademik yang ampuh, sejajar dengan visinya sebagai Universiti Islam bersifat integrasi dan kontemporari. Bagi mendepani dan mengimbangi ledakan pendidikan berorientasikan teknologi ini, UniSZA memperkenalkan gagasan *Flexible Education with Soul* (FlexS) dengan mencorak pendidikan berasaskan nilai dan sentuhan insani. Pada 22 September 2020, julung kalinya penganjuran Syarahan FlexS bertemakan FlexS Citra Kecemerlangan Akademik diadakan dengan melibatkan seluruh warga akademik UniSZA.

Bagi merincikan FlexS sebagai sebuah gagasan yang memacu kecemerlangan ilmu dan kegemilangan akhlak secara seiring, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh telah diundang untuk menyampaikan syarahan. Pada awal bicara, Prof. Dr. Kamarul Shukri menegaskan bahawa kedudukan UniSZA dalam legasi pendidikan tinggi Islam di Malaysia dan kini diklusterkan di bawah *Malaysian Integrated Islamic University Network* mewajarkan FlexS diberikan keutamaan dalam acuan akademik.

Menurut Prof. Dr. Kamarul Shukri, *Flexible Education with Soul* digagaskan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dalam menjamin kualiti dan kelestarian pendidikan. Kehadiran FlexS juga diharap dapat merealisasikan agenda pendidikan negara di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang memfokuskan kepada kecemerlangan akademik dan pembinaan sahsiah. Justeru, FlexS dilihat berupaya untuk memperkasa ekosistem pembelajaran dengan nilai kemanusiaan dalam mendepani kepesatan teknologi kini yang menghakis nilai insani bahkan meragut keutuhan identiti agama.

Selanjutnya, Prof. Dr. Kamarul Shukri menekankan model pendidikan holistik yang mendasari FlexS dengan merujuk kepada wahyu pertama, firman Allah s.w.t. dalam surah al-Alaq yang bermaksud: “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan pena. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya”. Simboliknya, ayat ini meletakkan asas pendidikan holistik yang berpusat kepada ilmu dan iman yang dirangkum padu tanpa ada pemisahannya. Selain

itu, orientasi model menurut beliau, perlu bersandarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Jumaah ayat dua yang bermaksud: “Dialah Allah yang mengutus kepada kaum yang tidak tahu membaca dan menulis, seorang Rasul daripada kalangan mereka, membacakan ayat-ayat Allah kepada mereka, menyucikan mereka, mengajar mereka al-Kitab dan al-Hikmah, padahal mereka dahulu berada dalam kesesatan yang nyata”. Menerusi ayat ini dan inti pati yang sama turut dipersembahkan menerusi surah al-Baqarah ayat 129 dan 151 serta surah Ali-Imran ayat 164, orientasi pendidikan yang dilakar adalah menumpukan kepada ‘mengajar’ dan ‘mendidik’ (ta’lim dan tarbiyah). Mengajar bagi memperkenalkan insan kepada ilmu dan mendidik bertujuan mengasuh insan untuk berjiwa luhur. Model ini diperkuatkan dengan kejutuan tonggakunya iaitu pembinaan akidah yang sahih, pembentukan sahsiah mulia, pencernaan pemikiran Islam dan pemupukan kerja secara profesional. Prof. Dr. Kamarul Shukri turut mengungkapkan bahawa teras, orientasi dan tonggak adalah yang menzahirkan keunikan FlexS dan ia perlu dihayati serta membumi di Dataran Abidin ini.

Menelusuri kandungan yang dibentangkan mengenai kerangka *Flexible Education with Soul*, Prof. Dr. Kamarul Shukri juga membahaskan objektif FlexS yang mensasarkan kepada usaha mewujudkan ekosistem pendidikan berkualiti dan fleksibel; memperkasa kurikulum dengan nilai kemanusiaan terarah, melahirkan murabbi *solih* dan *muslih*; dan melahirkan graduan berpersonaliti unggul. Pendekatan yang diambil bagi merealisasikan adalah melalui penerapan dalam kurikulum sedia ada, pembangunan kursus pengajian akademik baharu, penyediaan program sokongan luar kurikulum dan pembangunan pensyarah sebagai *murabbi*. Justeru, bagi memastikan gagasan FlexS membumi di UniSZA, empat teras diwujudkan. Pertama, Teras Gaya Hidup Sejahtera yang berperanan dalam membentuk pelajar cergas dan sihat jasmani; cerdas dan sihat minda; serta stabil dan mantap emosi. Tiga kursus sokongan bermodul dibangunkan iaitu terdiri daripada kursus *UniFit* yang berfokus kepada pemantapan aspek kesihatan jasmani; Kursus Minda Sejahtera atau *UniMind* pula menjurus kepada pengukuhan aspek intelektual dan rohani; manakala kursus *UniQalb* menekankan kepada kesejahteraan aspek emosi. Kedua, Teras Hubungan Insaniah yang diberikan tanggungjawab dalam membentuk pelajar untuk membina hubungan baik dengan pelbagai pihak merentasi kurikulum. Penganjuran program kendalian teras ini dilaksanakan dengan keterlibatan komuniti sama ada dalam bentuk khidmat komuniti, pembelajaran berasaskan komuniti mahupun projek kerjasama komuniti berterusan yang dikenali sebagai *Service Learning Malaysia - University for Society* (SULAM).

Teras ketiga pula adalah *Ta’lim wa Tarbiyyah* yang mengkhususkan kepada penyediaan landskap pembelajaran sepanjang hayat berkonsepkan pembinaan insan berilmu dan berketrampilan dengan acuan muslim soleh. Justeru, teras ini membangunkan program dan aktiviti dalam dan luar kurikulum yang memastikan pelajar acuan FlexS mempunyai teras akidah yang benar, ibadah yang mantap dan akhlak yang mulia. Bagi teras keempat iaitu Teras Pembangunan *Murabbi* berperanan dalam membentuk jati diri pensyarah melalui karakter *murabbi* yang mencetus perubahan dari aspek personal, persekitaran dan pembangunan adab serta sahsiah pelajar. Tiga modul dibangunkan bagi merealisasikan hasrat ini iaitu modul *muallim*, modul *muaddib* dan modul *murabbi*. Latihan yang diberikan bertujuan memperkasa pensyarah UniSZA dari aspek pembinaan jati diri, kesediaan sebagai *role model* dan membimbing secara intensif untuk berganding bahu bagi menerapkan nilai ilmu, iman, adab dan akhlak dalam diri pelajar.

Prof. Dr. Kamarul Shukri turut menarik perhatian audiens untuk memahami keberadaan NASEEM dalam gagasan FlexS. Beliau menggambarkan nilai teras NASEEM amat penting dipraktikkan dalam melentur keperibadian pelajar. Lapan nilai teras NASEEM iaitu; ilmu, iman dan akhlak, amal, kepimpinan (*qiyadah*), kolaborasi (*ta’awun*), keusahawanan (*tijarah*), transformasi (*taghyir*), dan inovasi (*ibtikar*) berupaya melahirkan anak didik UniSZA yang mempunyai identikal unik melalui acuan FlexS.

Ringkasnya, syarahan FlexS yang dibentangkan oleh Prof. Dr. Kamarul Shukri berupaya memberikan pendedahan yang tuntas berkaitan gagasan *Flexible Education with Soul*. Justeru, diharapkan semua warga UniSZA bersedia merealisasikan dari segenap aspek dan menjadikan usaha murni ini sebagai sebahagian amal soleh yang berterusan dalam melahirkan anak bangsa berilmu dan berkemahiran tinggi, berakhlak mulia, teguh pegangan agama, tinggi peradaban dan luhur jiwa.



Bengkel Penulisan Abstrak Tesis

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah mengadakan Bengkel Penulisan Abstrak Tesis pada 25 Ogos 2020. Penganjuran bengkel ini adalah hasil keputusan daripada Jawatankuasa Abstrak Siswazah Fakulti dan Jawatankuasa Pengurusan Siswazah Fakulti yang ingin membantu dalam meningkatkan kualiti penyeliaan dan penghasilan tesis. Penyelaras Siswazah FBK, Dr. Ahmad Taufik Hidayah Abdullah telah mengetuai jawatankuasa dalam penganjuran bengkel ini.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh semua staf akademik FBK yang merupakan penyelia dan bakal penyelia calon siswazah. Penganjuran bengkel ini bertujuan memberi pendedahan dan membantu staf akademik dalam menghasilkan abstrak tesis yang berkualiti dan seterusnya boleh membantu dan membimbing pelajar di bawah seliaan masing-masing dalam penulisan abstrak tesis yang baik dan berkualiti.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dilantik sebagai fasilitator. Beliau juga merupakan Malim Sarjana yang dilantik oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Beliau telah berkongsi ilmu dan pengalaman dalam penyeliaan siswazah khususnya dalam penulisan abstrak tesis mengikut standard yang ditetapkan UniSZA. Pelbagai input baharu dan terkini telah dikongsikan kepada staf akademik FBK sepanjang bengkel tersebut dijalankan seperti penerapan elemen keperluan dalam sesebuah abstrak dan proses penghasilan abstrak tesis yang berkualiti.

Staf akademik FBK mengambil peluang dengan mengajukan pelbagai persoalan kepada fasilitator. Para peserta mengungkapkan keterujaan dengan perkongsian ilmu penulisan abstrak tesis yang disampaikan dan ia sangat berguna dalam proses penyeliaan kepada pelajar mereka. Sementara pensyarah lain dan calon penyelia pada masa hadapan juga mendapat pendedahan awal mengenai penulisan abstrak yang baik sebelum mereka menyelia pelajar pada masa hadapan.

Penganjuran program sebegini diharapkan mampu memberi suntikan baharu kepada semua staf akademik FBK dalam memacu kecemerlangan dan kualiti penyeliaan pada masa mendatang. Begitu juga dengan kehadiran Malim Sarjana FBK, Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh yang menaikkan semangat dan rasa kebersamaan dalam kalangan staf akademik di FBK demi mencapai kejayaan.





Bengkel Penyediaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran secara dalam talian pada 27 September di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA.

Bengkel ini melibatkan barisan ahli akademik FBK sebagai peserta program yang dikendalikan oleh pensyarah dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) dan Reka Bentuk Visual dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu Encik Ahmad Nurzid Rosli, sebagai fasilitator.

Penganjuran bengkel ini bertujuan memenuhi komponen Pelan Tindakan Akademik 2020 dalam Lonjakan Sembilan: Pembelajaran dalam Talian Secara Global. Terdapat tujuh petunjuk prestasi ditetapkan dalam lonjakan ini yang perlu dicapai oleh fakulti. Selain itu, bengkel ini juga dianjurkan kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian merupakan aspek yang perlu diberi perhatian oleh ahli akademik sejak berkuatkuasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 sehingga kini. Ahli akademik perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan mengenai pelaksanaannya.

Tiga objektif yang ditetapkan dalam bengkel ini iaitu, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ahli akademik dalam menyediakan bahan (PdP) secara dalam talian, menjana idea bagi menghasilkan bahan (PdP) yang informatif dan menarik serta membantu para pensyarah menghasilkan bahan dan aktiviti (PdP) menggunakan sistem aplikasi.

Bengkel ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Penyelaras Jaminan Kualiti dan e-Pembelajaran, FBK iaitu Dr. Siti Zanariah Yusoff selaku pengarah program dengan menerangkan secara ringkas mengenai tujuan dan perjalanan bengkel.

Program berjalan lancar dalam suasana interaktif dan maklum balas peserta menunjukkan penganjuran bengkel tersebut efektif dengan penyampaian menarik daripada fasilitator yang menggunakan pendekatan aktiviti secara *hands-on* dengan menggunakan *aplikasi OpenShot* dan *Inkscape*.

OpenShot merupakan perisian untuk menghasilkan animasi 3D dan video editor sumber terbuka. *Inkscape* pula adalah perisian penyuntingan format *Scaleable Vector Graphics* (SVG) yang bersumber terbuka dan bebas. Hasil kerja yang mengaplikasikan teknik vektor grafik ini sangat berkualiti tinggi kerana hasil rekaan tidak berubah walaupun dibesarkan dengan skala berkali ganda. Kedua-dua aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma dan gabungan perisian ini membolehkan para peserta menghasilkan video PdP yang menarik.

Pada akhir bengkel, peserta program berjaya menghasilkan sebuah video PdP yang menggabungkan elemen video, imej, teks dan muzik untuk diaplikasikan dalam kelas pengajaran secara dalam talian.

Majlis penutup dan penyampaian cenderamata disempurnakan oleh Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi.

Bengkel *Understanding the Element and Requirement of MS ISO/IEC 17025:2017 and Measurement Uncertainty in Chemical Analysis*



Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi penjelasan dan pemahaman lebih mendalam tentang standard MS 17025:2017 terutama mengenai *measurement of uncertainty* dalam setiap analisis yang dijalankan. Dalam pada itu juga, bengkel ini dapat memberi pendedahan kepada staf CLMC dalam mempelajari teknik-teknik penyediaan dokumen berdasarkan standard MS ISO/IEC 17025:2017.

Bengkel ini membantu staf CLMC yang terlibat secara langsung dalam memastikan kelancaran perjalanan makmal berakreditasi MS ISO/IEC 17025 yang merupakan salah satu hala tuju dalam Pelan Strategik UniSZA 2020-2022.

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) mempunyai makmal analisis berakreditasi MS ISO/IEC 17025:2017 yang menyediakan servis untuk penentuan kadar nutrisi makanan. Sehubungan itu, CLMC dengan kerjasama pihak Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti mengadakan bengkel *Understanding the Element and Requirement of MS ISO/IEC 17025:2017 and Measurement Uncertainty in Chemical Analysis* kepada semua staf makmal CLMC.

Bengkel tersebut diadakan pada 8-10 September di Makmal Komputer, Kampus Perubatan. Seramai 21 orang peserta terlibat dalam bengkel ini yang dikendalikan oleh Ketua Makmal *International Institute for Halal Research and Training*, Universiti Islam Antarabangsa, Dr. Muhamad Shirwan Abdullah Sani.



FRIT Anjur Bengkel Perkongsian Ilmu *Technical Drawing with CAD dan Advanced CAD*



Ilmu merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman mengenai sesuatu perkara. Ia memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian manusia kerana memberi manfaat yang besar kepada diri sendiri dan manusia lain terutamanya dalam melaksanakan tugas seharian.

Menyedari tentang pentingnya tanggungjawab dalam menyebarkan ilmu pengetahuan, pada 29 - 30 September, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), UniSZA telah berjaya menganjurkan Bengkel Perkongsian Ilmu *Technical Drawing with CAD dan Advanced CAD* yang disertai oleh kira-kira 30 orang peserta di Makmal CAM, Blok B, FRIT, UniSZA.

Bengkel ini dirasmikan oleh Dekan FRIT, Prof. Ts. Dr. Saiful Bahri Mohamed. Pelaksanaan bengkel adalah cetusan idea Ketua Pusat Pengajian Teknologi, Puan Rozimah Yusof yang berhasrat supaya ilmu mengenai *Technical drawing with CAD dan Advanced CAD* ini disebarkan dan dikongsi dengan kakitangan daripada pusat tanggungjawab lain.



Semasa bengkel berjalan, peserta diberikan peluang untuk mempraktikkan sendiri ilmu dan tips yang dikongsi dengan menggunakan perisian komputer di makmal tersebut. Ini membantu peserta supaya lebih fokus dan memahami penerangan dan taklimat yang disampaikan.

Melalui pemerhatian yang dilakukan semasa bengkel berlangsung, peserta memberikan reaksi yang positif dan dilihat berminat dalam mempelajari ilmu yang dikongsikan. Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini merupakan pensyarah FRIT iaitu Prof. Madya Noordin Asimi Mohd Noor dan Dr. Soran Jalal Abdullah. Fasilitator yang dilantik mempunyai pengalaman mengajar dan mempraktikkan ilmu-ilmu berkenaan iaitu *Technical Drawing with CAD dan Advanced CAD* dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Bengkel ini dilihat sebagai salah satu medium yang amat baik untuk proses penyebaran ilmu pengetahuan dan maklumat kepada kakitangan UniSZA. Melalui aktiviti sebegini, peserta dapat mengaplikasikan ilmu-ilmu dan pengalaman yang diperoleh semasa mengikuti bengkel tersebut dalam melaksanakan serta menyiapkan tugas harian sepertimana yang diamanahkan.

Graduate Employability at the Faculty of Health Sciences

The Faculty of Health Sciences (FSK) has always taken special care to prepare its graduates for the working world. This is done not only through its refined and up to date academic programmes of study, but also through special events focusing on students.

Throughout the first half of 2020, FSK conducted no less than five tailor made events that provided special opportunities for our students to be exposed to the workforce and better prepare them for life after their graduation.

While some of these graduate employability events were held face to face, the majority of them took place online and involved participation from students, staff and experts in their related fields.

With five academic programmes offered by the faculty, each one held a separate event to provide more focus to the needs of the students in preparing for their future. The programmes aimed to prepare students to meet the needs of employers in both the government and private sector. Students learned that preparation is essential if they want to meet the ever-increasing demands of the industry. The programmes also aimed to increase the marketability of UniSZA graduates.

The day-long events exposed students to effective communication styles at the workplace, how to succeed at job interviews, how to prepare a winning resume, and what attire is best suited for the workplace environment. In addition, students met with industry leaders to learn firsthand about work placement opportunities and trends in the marketplace.

Leaders in the respective fields were invited to each programme to provide the latest information from the industry itself. These included lecturers from UniSZA and other universities, hospital staff, private sector specialists, and alumni among others. Each event was organized by the respective faculty department, with strong support from the UniSZA Centre of Alumni, Entrepreneurship and Society Network (PAKAT). Students also played a crucial role in undertaking all the programmes. Student leaders were moderators for all of the events organised.

The Graduate Employability Programmes carried out are as follows:

1. Kebolehpasaran Graduan, Mahasiswa Fisioterapi Eksklusifkan Dirimu: Bengkel Pemantapan ke Alam Kerjaya
March 12, 2020
UniSZA Physiotherapy Club
2. Motivasi Kerjaya Dietetik
July 12, 2020
Faculty of Health Sciences
3. Motivasi Kerjaya Pemakanan
16 July, 2020
Faculty of Health Sciences
4. Program Motivasi Kerjaya Bioperubatan
16 July, 2020
School of Biomedicine
5. Webinar Hari Kerjaya: Radiografi dan Pengimejan Perubatan
25 July, 2020
Faculty of Health Sciences



Jurnal Bermutu Mampu Naikkan Nama Universiti

Penghasilan dan penerbitan jurnal yang berimpak tinggi merupakan salah satu tanggungjawab dan peranan para pensyarah. Jurnal yang berimpak tinggi adalah jurnal yang mempunyai kualiti yang bagus dan boleh dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik di seluruh dunia seterusnya meningkatkan mutu pendidikan di sesebuah universiti.

Sejajar dengan hasrat kementerian dan universiti dalam meningkatkan bilangan penerbitan jurnal akademik yang berimpak tinggi, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTMM) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi bertempat di Dewan Auditorium, Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak.



Bengkel ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 14-15 Julai yang melibatkan 50 orang peserta daripada kalangan pensyarah UniSZA. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bagi memahami kaedah penyediaan dan penghasilan jurnal yang bermutu bagi tujuan penyelidikan.

Bengkel ini juga diadakan dalam usaha meningkatkan bilangan jurnal berimpak tinggi yang dihasilkan oleh para pensyarah serta meningkatkan kualiti dan output penyelidikan di UniSZA bagi memenuhi keperluan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*. Para peserta berkesempatan untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan yang berkaitan sepanjang bengkel berlangsung. Penganjuran bengkel ini dilihat sebagai salah satu keperluan kepada para pensyarah UniSZA untuk menghasilkan penulisan yang bertaraf antarabangsa.

Bengkel ini terbahagi kepada beberapa sesi yang dikendalikan oleh Pengerusi Penyelidikan Bersekutu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Safian Shari yang bertindak sebagai fasilitator. Antara pengisian bengkel ialah *Introduction and Type of Journal Paper; Indexing and Impact Factor; Content of a Journal; Reasons for Manuscript Rejection; Factors That Determined Acceptance of the Manuscript; dan Tool in Finding the Correct Journal for Publication*. Fasilitator juga berkongsi pengalaman dan tip memohon Geran *Public Private Research Network (PPRN)* yang berkaitan dengan penyelidikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Sambutan yang diterima daripada peserta dalam kalangan pensyarah amat menggalakkan dan rata-rata mereka memberikan reaksi yang positif mengenai pengisian yang diterima semasa mengikuti bengkel tersebut.



Karnival FlexS UniSZA

Program Karnival FlexS: Citra Jati Diri 2.0 merupakan program anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa (TNCAA) bersama jawatankuasa FlexS UniSZA dengan kerjasama Pusat Pendidikan Teras (PPT).

Program yang diadakan pada 11 Ogos hingga 30 September disertai oleh pelajar yang mengambil kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di PPT yang terdiri daripada pelajar diploma dan asasi sesi 2020/2021.

PPT bertanggungjawab mengurus dan menyelaras kursus-kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dan kursus-kursus wajib universiti sekali gus berperanan untuk menerapkan nilai NASEEM yang merangkumi lapan nilai teras iaitu Ilmu, Iman dan Akhlak, Amal, Kepimpinan, Kolaborasi, Keusahawanan, Transformasi dan Inovasi.

Dengan berbekalkan tanggungjawab ini, maka program yang dijalankan adalah bertujuan memperkasa jati diri pelajar dengan menerapkan pendidikan yang membentuk jiwa luhur; meningkatkan keterampilan dan kebolehpasaran pelajar menerusi penguasaan kemahiran teknologi kontemporari yang diterapkan dengan nilai-nilai NASEEM; dan mengeratkan jalinan antara UniSZA dengan komuniti dalam dan luar kampus.

Penganjuran *Karnival FlexS: Citra Jati Diri UniSZA 2.0* kali ini menggabungkan pelbagai aktiviti akademik daripada jabatan-jabatan yang terlibat di bawah PPT iaitu Jabatan Pengajian Bahasa, Jabatan Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam dan Jabatan Pengajian Malaysia, Kemasyarakatan dan Keusahawanan.

Antara pengisian program termasuklah forum NASEEM yang telah disampaikan oleh alumni UniSZA, Prof. Ts. Dr. Saiful Bahri Mohamed dan Prof. Madya. Dr. Anas Mohd Yunus yang kini masing-masing memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi dan Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar.

Selain itu, terdapat aktiviti lain yang melibatkan para pelajar dan staf UniSZA termasuklah pertandingan video, pertandingan bahasa dan pertandingan lirik lagu dan syarahan FlexS Citra Kecemerlangan Akademik yang telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad. Forum ini dipengerusikan oleh Pengarah PPT, Prof. Madya To' Puan Dr. Nizaita Omar.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan semasa majlis perasmian penutup program yang berlangsung pada 30 September 2020 di Dewan Perdana, UniSZA. Program ini berjaya memberi pendedahan dan kefahaman yang jelas mengenai FlexS untuk segenap lapisan warga UniSZA seterusnya membina sebuah universiti berprestij di peringkat dalam dan luar negara.



Kemeriahan Konvensyen MAWAR 2.0

Konvensyen MAWAR 2.0 anjuran Pejabat Pendaftar telah berjaya dilaksanakan pada 23 dan 24 Jun secara dalam talian di unisza.webex.com. Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Konvensyen MAWAR 1.0 yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 di Dewan Perdana, UniSZA bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia pada bulan Mac setiap tahun.

Menurut pengarah program En. Ahmad Termizi Ab Aziz, objektif utama program ini adalah untuk memberikan inspirasi dan ilham kepada peserta supaya bersedia menghadapi cabaran dunia yang sangat pantas bergerak. Selain itu juga, program ini dijangkakan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita untuk lebih bertanggungjawab dalam peranannya mengurus keluarga, kerjaya dan kepimpinan serta meningkatkan keupayaan wanita melalui pelbagai perkongsian pendekatan Islam, Psikoterapi, pengurusan kerjaya dan keluarga.



Jumlah peserta yang menyertai Konvensyen Webinar MAWAR 2.0 ini adalah seramai 180 orang yang terdiri daripada staf UniSZA, staf agensi luar, orang awam serta mahasiswa. Selain itu, Konvensyen ini juga telah mendapat penajaan yang begitu banyak terdiri daripada Hijra Klinik, Bank Rakyat, BSN, KFC, Insaphoto, Klinik Intan, MAMADIL, EPIC Berhad, HAUS Cosmetics, Kinik Norhazlina, Klinik Perubatan Raudah, Kunyek dan Mr. MAMA Laundry.



Panel penceramah bagi Konvensyen MAWAR 2.0 ini terdiri daripada Pensyarah Universiti Malaya/selebriti Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail dengan tajuk Wanita Syurgawi; selebriti/aktivis kesukarelawan, Cik Heliza Helmi dengan tajuk *One Way Ticket*; pakar/guru imej Malaysia, Puan Mary dengan tajuk Eksklusifkan Dirimu; Konsultan Obstetrics dan Gynaecology, Dr. Imelda Balchin dengan tajuk Cantik dan Sihat; usahawan/pengasas produk MAMADIL, Puan Dila Mubarak dengan tajuk Cetusan Inspirasi dan Motivasi; serta Pensyarah UIAM/rakyat Malaysia pertama lancar satelit NASA, Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim dengan tajuk Wanita Era IR 5.0.

Perkongsian oleh kesemua panel telah membuka minda khususnya bagi kaum wanita agar mereka lebih berilmu serta bersemangat dalam menghadapi sebarang cabaran dan kemungkinan yang berlaku pada masa akan datang. Sebagai penutup, konvensyen MAWAR 2.0 telah menjemput selebriti/ pakar motivasi, Encik Fadzli Aziz untuk memberikan sedikit motivasi untuk para wanita agar dapat menjadi seorang yang bukan sahaja hebat di tempat kerja malah di rumah juga.

Diharapkan Konvensyen MAWAR 2.0 ini dapat menjadikan kayu ukur bagi program-program berimpak tinggi yang dijalankan oleh Pejabat Pendaftar pada tahun-tahun yang akan datang.





Kunjungan Profesor Adjung Ke FBIM

Pada 17 Ogos, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) menerima kunjungan daripada Profesor Anjung Fakulti iaitu Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee. Ketibaan beliau ke FBIM disambut oleh pihak pengurusan fakulti dan pensyarah dari Pusat Pengajian Industri Makanan. Beliau yang merupakan Pengarah Kanan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilantik sebagai Profesor Adjung FBIM dan Fakulti Kontemporari Islam (FKI) bermula 1 Oktober 2019 sehingga 30 September 2020.

Aktiviti ini dimulai dengan pembentangan struktur kurikulum

program Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal oleh Ketua Pusat Pengajian Industri Makanan, Dr. Nurul Zaizuliana Rois Anwar bagi mendapat maklum balas daripada Dato' Dr. Sirajuddin. Berdasarkan pembentangan tersebut, beliau berpuas hati dengan kerangka dan struktur kurikulum yang bakal dijalankan oleh FBIM. Memandangkan Malaysia juga merupakan salah satu negara yang menjadi rujukan dalam industri halal, ia dapat memberi peluang kerjaya yang luas dan sekali gus dapat menarik minat kepada bakal pelajar. Dato' Dr. Sirajuddin juga menyarankan agar diadakan promosi

bagi memperkenalkan program ini memandangkan ia merupakan program baharu yang bakal ditawarkan di FBIM bermula sesi 2021/2022. Profesor Adjung Fakulti, FBIM ini turut mencadangkan agar program ini menekankan aspek *hands-on* sebagai matlamat utama agar bakal pelajar program ini akan didedahkan dengan pelbagai teknologi pemprosesan dan pembangunan makanan halal.

Selain itu, perbincangan mengenai aktiviti pengajaran dan penyelidikan berkaitan dengan pembangunan makanan halal turut diadakan. Antara inti pati terpenting yang dibincangkan adalah cadangan daripada Dato' Dr. Sirajuddin agar FBIM menjadi pusat rujukan halal bagi membantu usahawan tempatan memperoleh sijil halal dan pada masa yang sama bakal pelajar dapat menjalani latihan industri di premis usahawan tersebut.

Dato' Dr. Sirajuddin juga dibawa melawat makmal untuk melihat instrumen yang terdapat di FBIM. Aktiviti lawatan berakhir dengan acara perasmian penutup di Dewan Auditorium Blok F8 yang turut dihadiri oleh pensyarah FKI.





Kunjungan Hormat ke Pejabat Ketua Hakim Negara

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA telah mengadakan Kunjungan Hormat ke pejabat Ketua Hakim Negara, YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat. Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan sedia ada antara FUHA, UniSZA dengan pihak kehakiman Malaysia. Ia juga merupakan kunjungan hormat yang lazim dilakukan oleh FUHA ke atas Ketua Hakim Negara yang baru dilantik.

Justeru, kunjungan hormat ini telah diadakan pada 3 September di Bilik Kunjungan Hormat Pejabat Ketua Hakim Negara, Putrajaya. Rombongan yang terlibat dalam kunjungan ini merupakan wakil pengurusan FUHA yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), Ketua Jabatan Undang-Undang dan Penyelaras Siswazah.

Kunjungan hormat ini merupakan platform penting dalam memperkenalkan FUHA, UniSZA kepada pentadbiran tertinggi kehakiman negara. Di samping itu, program sebegini bertujuan memaklumkan hasrat untuk menjalinkan kerjasama antara kedua-dua pihak serta berkongsi dan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan perundangan.

Pihak Kehakiman Negara mengalu-alukan kerjasama dengan FUHA serta menyokong aktiviti ini bagi perkembangan para pensyarah dan pelajar.



Kursus Latihan Pembersihan dan Disinfeksi Ruang serta Bangunan

Sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), UniSZA bersedia mengambil langkah-langkah untuk mencegah penyebaran COVID-19 dalam kalangan staf, pelajar dan pelanggan UniSZA dengan melakukan prosedur pembersihan dan disinfeksi kuman mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh OSHA dan KKM.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan menganjurkan 'Kursus Latihan Pembersihan dan Disinfeksi Ruang serta Bangunan'. Kursus ini diadakan pada 22 Julai di Dewan Auditorium Akademik, Kampus Gong Badak yang melibatkan seramai 90 orang peserta.

Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dalam proses kerja pembersihan dan disinfeksi, memberi kefahaman berkaitan pembersihan dan disinfeksi di samping meningkatkan pengetahuan berkaitan penggunaan kelengkapan pelindung diri yang betul.

Sesi pertama kursus dimulakan dengan ucapan perasmian dan penerangan tujuan pelaksanaan kursus oleh Pengarah CLMC, Dr. Azman Azid. Sesi bengkel yang seterusnya ialah perkongsian ilmu berkaitan 'Tatacara Disinfeksi dan Pembersihan Ruang Pejabat dan Bangunan' oleh Penguasa Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Terengganu, Encik Kasyfi Syahmi Ghazali. Sesi kedua pula diteruskan dengan 'Latihan Amali Disinfeksi dan Pembersihan Ruang Pejabat dan Bangunan' di Bilik Tutorial, Bangunan Akademik. Melalui latihan amali ini, para peserta mendapat pendedahan yang lebih jelas tentang cara pengendalian disinfeksi yang betul dan selamat.

Penganjuran kursus ini dapat menghasilkan garis panduan 'Proses Disinfeksi Ruang dan Bangunan' yang akan diguna pakai oleh pihak UniSZA serta dapat menubuhkan pasukan 'Disinfeksi UniSZA' bagi kerja disinfeksi ruang dan bangunan di samping dapat berkhidmat kepada komuniti jika diperlukan.





Kursus Pengurusan Sisa Buangan Berjadual



Sisa buangan berjadual adalah apa-apa buangan yang mempunyai ciri-ciri berbahaya yang berpotensi memberi kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar. Umum mengetahui bahawa, setiap pekerja perlu mematuhi peraturan yang telah dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) untuk pengurusan dan pelupusan sisa buangan berjadual.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan menganjurkan kursus 'Pengurusan Sisa Buangan Berjadual' kepada staf yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Negeri Terengganu, Puan Zuraini Mohd Senin. Kursus ini diadakan pada 22 September di Dewan Auditorium, Kampus Besut yang melibatkan seramai 45 orang staf.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi maklumat tentang peraturan yang telah dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta cara penyimpanan sisa buangan terjadual dan pelupusan mengikut kaedah yang betul. Hal ini kerana UniSA mempunyai hampir 1,000 jenis bahan kimia yang digunakan terutama kepada pengeluar buangan. Hal ini demikian kerana pengeluar buangan merupakan pihak yang mempunyai maklumat terperinci mengenai cara buangan tersebut dihasilkan dan proses yang terlibat.

Oleh yang demikian, penganjuran kursus ini dapat menerangkan dengan lebih jelas berkenaan garis panduan yang betul mengenai proses pelupusan sisa buangan berjadual kepada semua peserta yang hadir.

Lawatan UPE dan KPT ke Projek Pembangunan UniSZA

Sesi Lawatan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke Projek Pembangunan di UniSZA telah diadakan pada 28 September. Pegawai UPE, JPM yang hadir ialah Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Encik Luqman Ahmad dan Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Tinggi) 1, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Puan Fhariha Ayanti Mohammad Zain. Pegawai KPT pula terdiri daripada Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Encik Mohd Anuar Bab dan Penolong Setiausaha, Puan Siti Khadijah Bharum. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memantau dan menyelaraskan permohonan projek pembangunan UniSZA pada masa hadapan di bawah pakej Rancangan Malaysia. Tapak-tapak projek yang disenaraikan untuk dilawati ialah Menaik Taraf Infrastruktur 4 Blok Asrama, UniSZA Kampus Gong Badak; Projek Pembangunan Hospital Pengajar UniSZA; Bangunan Pentadbiran Baharu; dan Cadangan Pembangunan Kompleks Sukan, UniSZA Gong Badak.

Taklimat keseluruhan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) telah diadakan di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak. Taklimat dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Hafizan Juahir. Dalam ucapannya beliau berharap pihak UPE dan KPT agar dapat memberi keutamaan kepada UniSZA berkaitan dengan pakej-pakej projek pembangunan Rancangan Malaysia terutamanya Projek Pembinaan Kompleks Akademik dan Kuliah Berpusat, UniSZA Kampus Gong Badak. Beliau juga memaklumkan bahawa antara projek pembangunan yang telah dapat disiapkan ialah projek Perpustakaan UniSZA Kampus Besut yang telah diserahkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada UniSZA pada

8 Disember 2019, manakala Projek Bangunan Pentadbiran Baharu telah diserahkan pada 27 Ogos 2020. Taklimat keseluruhan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah disampaikan oleh Pengarah, Pusat Pengurusan Harta Benda (PPHB), Ir. Hj. Mohd Yasim A. Ghani, manakala taklimat Projek Pembangunan Hospital Pengajar UniSZA (HPU) telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Hospital UniSZA, Dr. Nik Ahmad Shaiffudin Nik Him. Pegawai utama UniSZA yang turut hadir ke sesi taklimat di Dewan Senat ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh, Bendahari; Puan Shakimah Endut, ketua-ketua unit PPHB, pegawai-pegawai kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), pegawai kanan Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) dan pegawai-pegawai kanan Pejabat Pendaftar.

Sebaik sahaja sesi taklimat berakhir, lawatan tapak ke Projek Pembangunan Hospital Pengajar UniSZA dan ke blok asrama telah diadakan. Blok asrama yang dilawati ialah blok asrama Al-Biruni dan Maryam. Pemilihan dua blok asrama tersebut adalah bagi membuat perbandingan antara blok yang belum dinaik taraf iaitu blok Al-Biruni dan telah naik taraf iaitu blok Maryam.

Pihak UniSZA berharap dengan sesi lawatan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke Projek Pembangunan di UniSZA dapat mempertimbangkan kelulusan permohonan projek pembangunan di bawah pakej Rancangan Malaysia terutamanya Projek Pembinaan Kompleks Akademik dan Kuliah Berpusat serta lain-lain projek pembangunan bagi menyediakan pembangunan kampus yang sistematik pelajar.



Penerbit UniSZA Anjur Bengkel Tesis ke Buku

Mendengar sahaja tesis, terbayang di mata sebuah penulisan hasil penyelidikan yang dijilid tebal, ditulis dengan olahan bahasa yang ilmiah dan menggunakan jargon yang khusus mengikut bidang masing-masing. Pembaca tesis biasanya hanya terdiri daripada penyelia dan pemeriksa. Justeru, bagi membolehkan ilmu yang terdapat di dalam sesebuah tesis disebarluaskan kepada masyarakat, tesis tersebut perlu diolah semula dalam bentuk buku dengan menggunakan olahan bahasa yang lebih mudah difahami. Sayang sekali jika hasil penyelidikan yang bertahun lamanya hanya ditulis dalam bentuk tesis dan tanpa dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Menyedari keadaan tersebut, Penerbit UniSZA mengambil inisiatif mengadakan Bengkel Tesis ke Buku pada 23-24 Ogos di Auditorium Perpustakaan UniSZA. Objektif bengkel ini adalah untuk membimbing dan melatih peserta tentang cara memindahkan tesis ke dalam bentuk buku serta memastikan bahan-bahan penyelidikan berkualiti dapat dimanfaatkan kepada orang awam. Bengkel dua hari tersebut juga bertujuan memperbanyak penerbitan ilmiah dalam pelbagai disiplin di UniSZA.

Penceramah jemputan ialah Prof. Madya Dr. Hamed Mohd. Adnan dari Universiti Malaya (UM), yang berpengalaman luas dalam bidang penerbitan ilmiah dan sering dijemput untuk mengendalikan pelbagai bentuk bengkel penerbitan ilmiah di seluruh negara. Menerusi bengkel ini, para peserta berpeluang berkongsi ilmu berkaitan dengan penerbitan buku ilmiah melalui lima sesi ceramah iaitu Memahami Jenis Penerbitan Ilmiah, Tesis ke Buku, Memahami Binaan Buku Ilmiah, Proses Memindahkan Tesis ke Buku dan Belajar daripada Kesilapan. Para peserta juga diberikan bimbingan secara *hands-on* untuk melakukan pemindahan teks daripada tesis kepada buku. Setiap peserta juga diberi peluang untuk membuat pembentangan masing-masing.



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dalam ucapan perasmian penutupnya menyatakan bahawa selain daripada menjalinkan hubungan rapat dengan Penerbit, aktiviti penulisan buku ilmiah perlu giat dijalankan dalam kalangan warga akademik UniSZA. Latihan dan bimbingan secara berterusan perlu dilaksanakan bertujuan melatih dan membimbing para peserta secara teori dan amali supaya buku yang berkualiti dapat diterbitkan setanding dengan penerbit-penerbit universiti yang lain.

Secara keseluruhannya, para peserta memberikan maklum balas positif tentang bengkel ini. Malah, ada yang mencadangkan supaya tempoh bengkel dipanjangkan supaya lebih banyak perkara dapat dikongsi dan dipelajari.



Pertandingan Hiasan Pejabat Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63

Sempena menyambut Hari Kebangsaan ke-63 peringkat UniSZA, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan pertandingan hiasan pejabat yang telah disertai oleh kesemua Pusat Tanggungjawab di UniSZA.

Proses penjurian yang bermula pada 1-3 September mendapati bahawa setiap PTj telah menonjolkan semangat patriotik yang tinggi dalam menghias pejabat. Kreativiti menghias yang ditunjukkan oleh setiap PTj amat luar biasa.

Kemuncak pertandingan ini diraikan pada Majlis Penutup Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-63 pada 30 September di Dewan Perdana. Johan bagi Pertandingan Hiasan Pejabat telah dimenangi oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) manakala Naib Johan pula dimenangi oleh Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB). Tempat Ketiga pula disandang oleh Perpustakaan UniSZA.

Diharapkan semangat patriotik ini dapat menyemarakkan lagi semangat cinta akan negara bukan sahaja dari kalangan staf UniSZA malah seluruh rakyat Malaysia.



Research Series Talk: Satu Perkongsian Ilmu Penyelidikan dan Penerbitan

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UniSZA telah mengambil inisiatif dalam mengembangkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dengan mengajurkan program *Research Series Talk* yang bertema *Empowering Research and Publication in Translating to Community and Innovation* secara dalam talian.

Penganjuran program ini adalah selari dengan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 bagi kategori *High Quality Research Output*. Ia juga bertujuan meningkatkan pencapaian MyRA berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan dan jalinan antarabangsa.

Perkongsian ilmu penyelidikan gout oleh Prof. Dr. Tony Merriman dari University of Otago, New Zealand telah diadakan pada 20 Ogos dengan Timbalan Dekan Penyelidikan & Pembangunan FSK, Dr. Wan Rohani Wan Taib sebagai moderator.

Prof. Dr. Tony merupakan felo penyelidik senior yang telah menjalankan kajian tentang gout secara intensif. Beliau telah menerima beberapa anugerah antarabangsa termasuk *Fulbright New Zealand Scholar Award*. Beliau menjalankan penyelidikan di University of Alabama Birmingham, Amerika Syarikat bagi membantu penyelidikan gout dalam kalangan populasi *African-American*.

Ceramah beliau yang bertajuk *Genetics and Environmental Causal Factors for Gout* menghuraikan beberapa faktor penyebab gout dengan bukti kajian saintifik yang telah menarik minat 47 orang peserta dari FSK, Fakulti Perubatan, Pusat Pengurusan Hospital Universiti dan Indonesia. Hasil kajian beliau mendapati bahawa faktor genetik memainkan peranan yang lebih besar berbanding pengaruh persekitaran seperti pemakanan dan sebagainya.

Penemuan ini menjelaskan bahawa peranan genetik amat penting dalam mengenal pasti jenis ubat yang bersesuaian dengan profil genetik seseorang individu atau populasi yang berkenaan. Oleh itu, adalah penting kajian sedemikian dapat dilakukan dalam kalangan penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Ini adalah satu usaha FSK dalam mengadakan kolaborasi bersama University of Otago bagi pengantarabangsaan dalam penyelidikan dan penerbitan.

Pada 9 September, *Research Series Talk* ini disusuli oleh program ceramah oleh Prof. Madya Dr. Teguh Haryo Sasongko dari Universiti Perdana. Beliau memberi ceramah bertajuk *The Cochrane Collaboration: How to Contribute to Evidence Synthesis and Dissemination in Health Care*. Beliau yang juga Timbalan Pengarah, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Perdana telah memperkenalkan *The Cochrane Collaboration* bagi peluang penyelidikan dan penerbitan dari pangkalan data tersebut.

Beberapa modul disediakan dari pangkalan data tersebut berkaitan dengan kesihatan. Peluang ini bukan sahaja tertakluk kepada bidang Sains Kesihatan atau Perubatan sahaja malah kajian Sains Sosial yang berkaitan kesihatan dapat menyumbang dalam *The Cochrane Collaboration*. Sesi ini telah dihadiri oleh 53 orang peserta dari pelbagai fakulti di UniSZA dan Universiti Perdana.

Kesimpulannya, program *Research Series Talk* ini telah berjaya memperkenalkan beberapa strategi dalam meningkatkan penyelidikan bagi mencapai Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 dan memenuhi tuntutan MyRA di samping dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi penyelidik dalam penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi.

Seminar *Knowledge Management in Research and Teaching*



Fakulti Perubatan (FP) dan Pusat Pembangunan Hospital UniSZA (PPHU) telah bekerjasama menjayakan Seminar *Knowledge Management in Research and Teaching* bertempat di Kampus Perubatan UniSZA pada 8 September. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memperkenalkan disiplin *Knowledge Management* dan penggunaannya dalam mengoptimumkan pengurusan pengetahuan bagi kelestarian FP dan UniSZA.

Seminar ini telah disampaikan oleh Konsultan Strategi Pengurusan Pengetahuan (*Knowledge Management Strategist*), Dr. Ghazali Mohamed Fadzil (HRDF TTT/27401). Beliau juga pengasas dan konsultan utama bagi GKM Consultancy Services serta Ahli Lembaga Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM).

Seramai 73 orang staf akademik dan pengurusan fakulti di UniSZA telah dijemput untuk menghadiri seminar ini. Seminar ini juga disiarkan secara langsung di *facebook* rasmi UniSZA. Ceramah selama dua jam ini telah mendapat lebih daripada 1,100 tontonan secara maya.

Dr. Ghazali telah memberikan beberapa perkongsian yang menarik mengenai *Knowledge Management in Research and Teaching* sepanjang seminar ini antaranya *Knowledge Audit/Assessment* di sesebuah institusi. Selain itu, Dr. Ghazali juga memberi penerangan mengenai *Knowledge Accident*, iaitu pengetahuan dapat dijana tanpa disedari melalui perbualan atau perbincangan yang tidak formal dan dapat ditransformasikan dalam pengurusan.

Peserta diberi peluang untuk bertanya beberapa soalan serta berkongsi mengenai maklumat dan pengetahuan yang telah diperolehi sepanjang seminar dijalankan.



SPaQM Anjur Audit Pemantauan Kualiti PdP Semasa Pandemik COVID-19

Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti (SPaQM), UniSZA telah mengadakan Audit Pemantauan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Semasa Pandemik COVID-19 pada 23 – 25 Jun. Audit ini dijalankan di sebelas buah fakulti dan Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA). Seramai 24 orang auditor dalaman dilantik untuk mengaudit 22 program akademik yang terpilih. Audit ini melibatkan 12 pasukan auditor dengan setiap satunya diketuai oleh seorang Ketua Pasukan.

Objektif audit adalah meningkatkan kesedaran berkenaan proses kerja/prosedur dilaksanakan mengikut Garis Panduan Pengendalian dan Pelaksanaan PdP Semasa Pandemik COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-I). Audit ini juga dijalankan untuk memantau tahap pendedahan staf akademik berkenaan Garis Panduan Pengendalian dan Pelaksanaan PdP semasa Pandemik COVID-19.

Audit ini dibahagikan kepada tiga aktiviti utama iaitu Mesyuarat Pembukaan, Semakan Dokumen dan Mesyuarat Penutup. Semasa audit dijalankan, pihak auditor perlu mengemas kini segala penemuan di dalam Senarai Semak Audit. Pihak auditor juga telah mengadakan temu bual bersama pihak pengurusan fakulti/pusat dan staf akademik. Pada akhir sesi audit, Ketua Pasukan Auditor menerangkan penemuan audit di dalam Mesyuarat Penutup yang dihadiri oleh pihak pengurusan fakulti/pusat dan staf akademik.

Secara keseluruhan, pelaksanaan Audit Pemantauan Kualiti PdP Semasa Pandemik COVID-19 telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak auditee. Namun, beberapa perkara penting perlu diambil perhatian dalam membuat penilaian oleh auditee yang terlibat pada masa akan datang.



UniSZA Dipilih Sebagai Tuan Rumah Mesyuarat PPUA

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memilih UniSZA sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Pemantauan Pembangunan Universiti Awam (PPUA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Bil. 5/2020. Mesyuarat PPUA melibatkan semua universiti awam di Malaysia terutamanya pusat-pusat tanggungjawab yang terlibat dengan hal ehwal pembangunan. Mesyuarat ini dijalankan pada 10 Ogos di Dewan Senat. Selaku tuan rumah, Pusat Pengurusan Harta Benda (PPHB), UniSZA bertindak sebagai urusetia bagi memastikan perjalanan mesyuarat PPUA, KPT Bil. 5/2020 berjalan dengan lancar.



Seramai 20 orang pegawai KPT telah hadir dalam mesyuarat ini. Mereka terdiri daripada pegawai utama iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Encik Rosli Yaakub yang bertindak sebagai pengerusi mesyuarat. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah UniSZA. Selain itu, turut hadir ialah Setiausaha Bahagian (Pembangunan), Dato' Che Sukri Che Mat dan Timbalan Setiausaha Bahagian (Pembangunan), Encik Megat Azlani Megat Ramli. Pihak universiti-universiti awam diwakili oleh Pengarah-Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah Pembangunan.

Sebelum mesyuarat dimulakan, satu taklimat berkaitan dengan status dan kemajuan semasa Projek Pembangunan Hospital Pengajar UniSZA kepada pegawai KPT telah diadakan di bilik mesyuarat, Pejabat Tapak Jabatan Kerja Raya (JKR), Projek Pembangunan Hospital Pengajar UniSZA. Taklimat tersebut disampaikan oleh pihak JKR. Selaku tuan rumah, pembukaan mesyuarat dilaksanakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Hafizan Juahir. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa UniSZA juga telah berjaya melaksanakan Projek-Projek Kecil Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Tahun 2020 pada bulan Jun 2020 baharu ini. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan Malaysia telah memperuntukkan PRE Prihatin kepada Universiti Awam untuk melaksanakan projek-projek kecil yang melibatkan aktiviti menaik taraf, membaik pulih infrastruktur kampus, menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik serta penggantian peralatan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP).

Mesyuarat PPUA, KPT Bil. 5/2020 telah berlangsung dengan jayanya dan mesyuarat seterusnya dicadangkan untuk diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor Bahru.



Unit Kaunseling Tumpu Kecemerlangan Pelajar

Unit Kaunseling Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dengan kerjasama Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar UniSZA; Bahagian Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar HEPA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT); dan Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA telah mengadakan Forum Penyesuaian Hidup Demi Kecemerlangan Mahasiswa 'Halangan vs Peluang' pada 10 September melalui platform dalam talian.



Forum yang disertai oleh 250 pelajar bertujuan memberi pendedahan tentang tips dan kaedah penyesuaian hidup kepada pelajar baharu agar lebih berdaya saing untuk terus cemerlang. Forum ini telah dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kanan, Unit Kaunseling UniSZA, Puan Husni Munirah Hashim sebagai moderator dan tiga orang ahli panel.

Ahli panel pertama iaitu Ketua Pegawai Psikologi dari Bahagian Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar HEPA yang juga merupakan Alumni UMT, Puan Hainany Idayu Yazid mengupas tentang halangan dan cabaran penyesuaian hidup mahasiswa di kampus agar dapat mengadaptasi diri dengan persekitaran baharu serta mengenal pasti halangan dan peluang bagi mendapatkan kecemerlangan.

Ahli panel kedua, Pegawai Psikologi dari Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar UniSZA, Encik Zaliazam Mohammad berkongsi ilmu tentang cara merancang kerjaya bermula dari kampus. Di samping itu, beliau turut memberikan pendedahan tentang peluang mahasiswa untuk menyesuaikan diri agar mendapat peluang bagi merancang kerjaya dalam melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran semasa.

Ketua Pegawai Psikologi dari Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA UniSZA, Puan Rosni Mohammad telah berkongsi tentang peranan Unit Kaunseling menggilap kecemerlangan mahasiswa. Beliau turut memberi pendedahan kepada mahasiswa agar celik akal terhadap peranan kaunselor dalam membantu kesejahteraan mental dan emosi mahasiswa bagi menggapai kecemerlangan di kampus.

Forum ini mendapat maklum balas yang positif daripada peserta dalam mengenal pasti cabaran, halangan dan peluang bagi mendapat kecemerlangan di kampus.



Workshop on Writing Impactful Articles: Theory & Practice

The Faculty Informatics and Computing (FIK) organised a workshop on writing impactful articles for all academic staff from June 17-18. The main speaker was none other than the Director of the Besut Campus, FIK lecturer Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman. The workshop was held at room D5-0-10, Besut Campus over a period of two days.

Prof. Nordin stressed that the success or failure of an academic article is determined long before the first words are written or the first letters are typed. It all begins with the initial conceptualisation and design of the study. An impactful article should be written in such a way that an intelligent layperson will understand what you mean and be able to follow the broad outlines of what research you did and why. It is therefore important to introduce the broad theme or topic of the study in an opening paragraph in such a way that the reader understands exactly what the study is all about. This can be achieved by clearly defining the core construct that are covered in the study in non-technical terms and by providing examples to illustrate these constructs where appropriate.

Writing an academic article is a challenging, but very fulfilling, endeavor. Hopefully the guidelines presented by the speaker will enable all participants to write impactful articles with relative ease. We cannot write a proper research article in a week. It is therefore, extremely important to get enough time to work on the articles, ensuring they all end in success.



Sejenak Bersama Pendaftar UniSZA Encik Ismail Musa



Jawatan pendaftar selalu dikaitkan dengan tugas menguruskan sumber manusia dalam sesebuah universiti. Apakah peranan dan tanggungjawab yang harus digalas oleh seorang pendaftar universiti?

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penerbit UniSZA yang telah memilih saya untuk ditemu bual bagi ruangan tokoh untuk buletin kali ini, biarpun sudah dua kali temu janji terpaksa ditunda memandangkan komitmen yang tidak dapat saya elakkan.

Terdapat dua kategori utama sumber tenaga manusia yang menjadi tonggak dan tulang belakang kepada universiti iaitu staf akademik dan staf pentadbiran. Kedua-dua golongan ini memainkan peranan penting masing-masing dan saling bekerjasama ke arah mencapai matlamat universiti. Pentadbir ialah enjin kepada pentadbiran universiti dan warga kerja adalah saling melengkapi, melaksanakan tugas dan skop serta bidang kerja yang diamanahkan.

Pendaftar merupakan salah seorang ahli pengurusan utama universiti yang dipimpin oleh Naib Canselor di samping kesemua Timbalan Naib Canselor, Bendahari, Penasihat Undang-Undang dan Ketua Pustakawan. Peranan yang digalas oleh seseorang Pendaftar sudah semestinya besar dan tanggungjawabnya meliputi urusan governan, segala aspek pentadbiran am universiti, pelantikan dan perkhidmatan, kenaikan pangkat, tamat khidmat, penilaian, urusan kebajikan dan pembangunan sumber manusia termasuklah unsur latihan kepada semua kategori warga kerja universiti.

Secara umumnya, peranan dan tanggungjawab seorang Pendaftar meliputi lima teras utama dalam pentadbirannya yang boleh disebut sebagai 5P iaitu penguatkuasa, penyelaras, perancang, penelitian semula terhadap suatu perkara dan sebagai pelaksana berhubung kesemua perkara yang telah diputuskan oleh pucuk pimpinan universiti, Lembaga Pengarah Universiti atau pihak berkuasa universiti seperti Senat atau seumpamanaya.

Selain itu Pendaftar juga merupakan setiausaha kepada badan akademik tertinggi Universiti iaitu Senat dan Setiausaha kepada badan pengurusan tertinggi universiti iaitu Lembaga Pengarah Universiti. Sudah pasti semua perkara yang diputuskan oleh badan-badan tertinggi universiti hendaklah diambil tindakan sewajarnya oleh Pendaftar.



Bagaimana tuan melihat suasana kerja di UniSZA dan apakah strategi untuk menjadikan UniSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang efisien dan berinovasi dalam sistem pentadbiran supaya setanding dengan universiti lain di Malaysia?

Saya mengambil pendekatan dalam strategi pengurusan dengan membahagikannya kepada tiga ‘M’ (3M) iaitu *Man* dengan merujuk kepada *Manpower* iaitu tenaga sumber manusia, *Money* merujuk kepada kewangan dan *Machine* merujuk kepada teknologi bagi menjadikan UniSZA sebagai sebuah IPT yang efisien dan berinovasi dalam sistem pentadbiran semasa. Ketiga-tiga perkara ini hendaklah diperkasa dan dipertingkatkan sebaik mungkin.

Bagi elemen ‘*Man/Manpower*’ contohnya, UniSZA telah mewujudkan PTj khas iaitu Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CENTTM); yang diketuai oleh seorang ahli akademik dan dibantu oleh pasukan pegawai bagi memastikan setiap staf UniSZA sama ada staf akademik atau staf pentadbiran, mengikuti dan menjalani program latihan yang sistematik di setiap peringkat.

Antara pendekatan yang telah diambil contohnya, suatu penetapan program dan latihan tertentu kepada seorang pegawai Gred 41 sebelum dinaikkan pangkat kepada Gred 44. Tanpa mengikuti latihan-latihan yang telah ditetapkan, mereka tidak akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Begitu juga dengan pensyarah Gred 45 ke Gred 52. Maka bagi melengkapkan diri para staf akademik untuk memohon kenaikan pangkat ini, PTj ini akan memastikan latihan-latihan yang berkaitan diadakan dan dijalani oleh staf akademik terbabit bagi melengkapkan seorang pensyarah itu mendapat kompetensi yang setimpal mengikut tahap yang sepatutnya seterusnya memenuhi kriteria kenaikan pangkat yang dimohon oleh mereka.

Bagi elemen ‘*Money*’, Pejabat Pendaftar juga bertanggungjawab terhadap pengurusan hal ehwal kewangan yang mampan dan pengawalan aset/inventori universiti, manakala bagi elemen ‘*Machine*’, ia merujuk kepada teknologi/infstruktur/peralatan dan sebagainya. Elemen-elemen tersebut perlu dititikberatkan dan diperkasakan dari segi sistem yang digunakan di samping kemahiran sumber manusia yang kompeten yang telah dibentuk bagi mengendalikannya.

Benchmarking adalah amat mustahak bagi merealisasikan ukuran pentadbiran yang efisien dan berinovatif. Sesebuah institusi pengajian tinggi yang menjadi rujukan dan tersohor di peringkat global sudah pasti melambangkan tahap pengurusannya yang efektif dan berinovatif. Saya sentiasa memaklumkan kepada semua pentadbir universiti supaya sebarang urusan pentadbiran hendaklah merujuk kepada kaedah dan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh *the National University of Singapore (NUS)*, negara jiran kita dan *the University of Oxford* sebagai model tanda aras dalam hal ehwal operasi dan pentadbiran, malahan dari semua segi pun.

Biarpun UniSZA masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan universiti-universiti yang berkenaan tetapi kita hendaklah sentiasa berusaha ke arah itu. UniSZA juga mempunyai kelebihan tersendiri dari sudut-sudut tertentu, seperti nic dalam bidang Pengajian Islam, Undang-Undang, Pengurusan dan Perniagaan serta Pertanian. Justeru, ini dapat membantu UniSZA ke arah strategi pentadbiran yang lebih efisien dan berinovasi.

UniSZA telah merangka Pelan Strategik 2020-2022 yang berpaksikan kepada empat keutamaan iaitu: graduan masa depan yang berdaya saing, rakan kongsi komuniti, penyelidikan berkelas dunia dan universiti diiktiraf secara global. Kesemua keutamaan tersebut dapat digarap berlandaskan pemangkin utama yang perlu diberi perhatian oleh UniSZA iaitu: (1) kepimpinan di mana pemimpin dibangun dan dibentuk; (2) teknologi informasi iaitu infostruktur dan infrastruktur yang mampu menyokong pelaksanaan Pelan Strategik; (3) mempunyai sumber manusia/bakat yang kompeten; (4) tahap sumber kewangan yang mampan; dan akhirnya (5) membina satu kolaborasi budaya yang jelas bagi menzahirkan nilai-nilai NASEEM yang merupakan lanjutan nilai dari KUSZA yang telah terserlah dan kesinambungan itu dibawa hingga ke hari ini. Ini diharap dapat memberi nilai tambah serta berupaya menzahirkan Pelan Strategik yang dinamik serta komprehensif yang dirancang. Maka, ini dapat melonjakkan lagi keterlibatan dan keupayaan UniSZA di peringkat kebangsaan dan global.

Salah satu faktor utama yang boleh memacu peningkatan prestasi dan kualiti kerja dalam kalangan staf adalah kepuasan kerja. Kebajikan staf merupakan salah satu elemen kepuasan kerja yang diambil kira. Boleh tuan kongsi amalan sedia ada di UniSZA dan perancangan-perancangan baharu yang dirangka berkaitan dengan aspek kebajikan staf ini?

Ya, soal kebajikan staf merupakan salah satu aspek penting bagi sesebuah institusi. UniSZA tidak terkecuali. UniSZA mempunyai seramai 1,845 orang staf, maka sudah semestinya banyak perkara yang perlu dijaga termasuklah perkara berkaitan dengan kebajikan, khususnya bagi memastikan arah tuju universiti dapat dilaksanakan dengan jaya dan sebaiknya. Sekiranya kebajikan staf tidak dijaga, keadaan kerja tidak diambil peduli, pejabat tidak mempunyai peralatan dan kemudahan yang sewajarnya, kebajikan kesihatan dan keselamatan tidak diambil kisah, maka saya yakin institusi tersebut akan terencat dalam pelaksanaan pencapaian objektifnya.

Alhamdulillah, di peringkat pihak pengurusan, Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) diadakan dari semasa ke semasa dan keahliannya turut dianggotai oleh wakil daripada Persatuan Staf Akademik (PSA), Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA (PENGEMUDI) dan Kesatuan Kakitangan Pelaksana (KKP). Dalam MBJ ini, semua isu dibincangkan, malahan kadang-kadang isu hal ehwal yang berkaitan kenaikan pangkat staf turut disentuh dan dibincangkan. Wakil-wakil persatuan akan memberi pandangan dan pendapat bagi menambah baik pengurusan pentadbiran universiti.

Pihak pengurusan sudah semestinya akan mengambil kira aspek-aspek lain juga berkaitan dengan hal ini tetapi dengan adanya pandangan dan suara daripada wakil persatuan, maka ia melengkapkan lagi urusan yang berkaitan dengan kebajikan staf. Selain itu, kita juga tidak menghadkan mana-mana staf yang ingin mengutarakan atau mengemukakan isu secara peribadi, bahkan kita mewujudkan satu saluran yang dipanggil Jawatankuasa Aduan bagi tujuan ini. Sekiranya wujud rasa tidak puas hati dalam kalangan staf, ia dapat disalurkan tanpa teragak-agak kepada jawatankuasa ini selain dilontarkan kepada persatuan masing-masing. Maka, staf tidak akan rasa terpinggir kerana dengan adanya saluran ini segala ketidakpuasan hati berkaitan dengan isu kebajikan dapat diketengahkan secara langsung.

Di samping itu, pihak pendaftar juga mempunyai satu lagi jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja bagi memastikan kebajikan staf dari sudut keselamatan dan kesejahteraan sepanjang melaksanakan tugas di tempat kerja terjamin. Jawatankuasa ini di peringkat induknya dipengerusikan sendiri oleh Dato' Naib Canselor dan Pengarah Keselamatan menjadi pengerusi di peringkat jawatankuasa pelaksana. Hatta, kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk staf seperti kerusi yang digunakan oleh staf juga dilihat dari sudut agrodinamikanya dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa sehingga kepada perkara yang sekecil-kecilnya diteliti, dijaga dan diambil kira oleh pihak universiti dan kita tidak memandang ringan kebajikan dan kepuasan kerja terhadap semua kakitangan di UniSZA. Tambahan pula, saluran di peringkat kebangsaan yang dipanggil Jawatankuasa Hal Ehwal Keselamatan pekerja yang dianggotai oleh semua IPTA juga dibentuk bagi mengawal selia hal-hal yang berkaitan kebajikan dan kepuasan kerja ini. Saluran ini juga diambil kira oleh institusi. Justeru, dengan adanya saluran-saluran tersebut sebagaimana yang dinyatakan di atas, diharap ini dapat memperkasa dan menambah baik urusan pentadbiran berkaitan kebajikan staf ini.

Dari segi perancangan baharu pula, Pejabat Pendaftar telah merancang dan berusaha memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dititikberatkan dan diberi perhatian dengan lebih khusus. Maksudnya, pengurusan dengan kerjasama pihak pusat teknologi maklumat, berkolaborasi bagi memastikan kemudahan infrastruktur dan infostruktur ditingkatkan kepada tahap yang lebih memuaskan. Ini bertujuan memastikan pengurusan pentadbiran, pengajaran, penyelidikan dan sebagainya tidak tergendala. Bagi UniSZA yang teras aktiviti dan tulang belakang institusinya adalah akademik, maka kapasiti kemudahan capaian tanpa wayar perlu ditingkatkan, terutama dalam era pandemik ini. Menaik taraf semua sistem aplikasi perkhidmatan secara dalam talian dan mudah alih amat perlu dan ditambah baik agar pemegang-pemegang taruh, khususnya para pelajar tidak menghadapi masalah. Malahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, permohonan peruntukan tertentu menekankan supaya kemudahan infrastruktur ditambah baik untuk universiti.



Di samping itu juga, pihak pengurusan universiti sentiasa membuat susulan bagi memastikan setiap perancangan yang dibuat dan semua gerak kerja adalah selari dengan Pelan Strategik universiti. Sebagai contoh, bagi melahirkan graduan masa depan yang berdaya saing, maka perancangan pengurusan ke arah global adalah dengan meneliti kurikulumnya, ekosistem pembelajaran dan sebagainya, dengan tujuan agar ia dapat membentuk dan melahirkan graduan dengan kemahiran semasa yang relevan dan dapat bersaing di peringkat global. Begitu juga dengan yang lainnya.

Apakah cabaran utama dalam menangani hal-hal yang berkaitan dengan staf UniSZA dalam pelaksanaan tugas masing-masing sama ada di peringkat pentadbiran atau di peringkat fakulti seperti isu yang berkaitan dengan prestasi, disiplin, komitmen, kebertanggungjawaban dan sebagainya?

Tidak dinafikan memang ada antara staf UniSZA yang bermasalah cuma ia hanya segelintir kecil sahaja, contohnya dari sudut disiplin dan sebagainya. Tetapi yang menjadi cabaran utamanya adalah untuk memastikan agar semua warga UniSZA di semua peringkat dapat diterapkan dengan nilai-nilai NASEEM ini dengan jayanya. Setengah orang sudah mempunyai sebahagian daripada nilai-nilai tersebut, mungkin empat atau lima sahaja daripada lapan nilai-nilai NASEEM ini, tetapi di pihak pengurusan kalau boleh kita mahu nilai-nilai tersebut digarap kesemuanya oleh semua warga universiti. Sebagai satu pasukan, sudah semestinya kita mahu staf UniSZA bekerjasama antara satu sama lain, iaitu para pentadbir dapat seiring bekerjasama dengan para staf akademik; staf pelaksana dengan pegawai; dan pengurusan tertinggi dengan pegawai bawahan. Maka, dengan adanya nilai-nilai NASEEM ini ia dapat membawa universiti ke arah yang lebih jelas dan banyak membantu universiti dalam mencapai visi dan misi. Penerangan dan latihan diberi kepada semua staf. Bagi staf baharu, nilai-nilai NASEEM diperkenalkan bermula dari peringkat lantikan lagi, manakala bagi staf yang lebih senior, program dan latihan tertentu yang menerapkan nilai-nilai NASEEM dimasukkan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, antara cabaran lain yang dihadapi ialah terdapatnya ketidakfahaman dalam kalangan staf mengenai konsep nilai NASEEM ini. Malah ada yang bertanya akan perbezaan kesinambungan nilai-nilai awal yang dibawa ketika awal penubuhan UniSZA dengan nilai-nilai NASEEM yang diperkenalkan, seolah-olah ia adalah sesuatu yang baharu. Sebenarnya, konsep ini kalau diperhalusi secara tidak langsungnya sudah diperkenalkan sejak mula lagi, contohnya 'education with soul'. Tetapi sekarang nilai NASEEM ini diperjelaskan dalam bentuk pernyataan yang objektif. Diharap nilai-nilai tersebut dapat difahami, diterap dan diamalkan secara konsisten. Maka, isu-isu berkaitan prestasi, disiplin, komitmen, kebertanggungjawaban dan sebagainya dapat diatasi dan dihindari atau sekurang-kurangnya dapat diminimumkan dari semasa ke semasa.

Salah satu piagam pelanggan khususnya kepada warga kampus ialah sistem pentadbiran bertaraf global. Bolehkah tuan kongsi matlamat dan perancangan tuan dalam meningkatkan taraf global UniSZA setanding dengan universiti yang lain?

Sistem pentadbiran bertaraf global yang dimaksudkan ialah sistem pentadbiran yang dijalankan dalam mengurus dan mentadbir untuk memperkenalkan UniSZA sebagai sebuah universiti tersohor, dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di sini, strategi kita jelas iaitu seperti perancangan pembangunan bakat berasaskan kompetensi warga kampus, pengantarabangsaan penyediaan program akademik, pemerkasaan program promosi bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dan yang terakhir ialah menjalin kolaborasi strategik dengan rakan kongsi global.

Terdapat dua kaedah utama yang disarankan bagi mencapai perancangan pertama yang telah dinyatakan iaitu pembangunan bakat berasaskan kompetensi warga kampus. UniSZA telah membangunkan sistem profiling tabung bakat. Ini selari dengan apa yang telah dan dilaksanakan oleh pihak CENTTM iaitu dengan meneliti dan mengendalikan program-program dan latihan-latihan tertentu untuk warga kampus. Keadah keduanya ialah UniSZA berusaha untuk meningkatkan kompetensi pemimpin melalui program kepimpinan yang bersistematik dalam kategori-kategori tertentu iaitu penyelidikan, akademik, institusi dan pentadbiran.

Bagi perancangan mengantarabangsakan penyediaan program akademik, UniSZA merancang untuk mewujudkan kampus-kampus cawangan di peringkat antarabangsa atau penawaran program akademik UniSZA secara francais di samping mewujudkan kolaborasi dengan institusi/universiti/industri di luar negara. UniSZA sedang berusaha ke arah ini seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik.

Seterusnya bagi menjalin kolaborasi strategik dengan rakan kongsi global, UniSZA mengambil tindakan dengan meningkatkan bilangan pelajar dari luar negara, membuat jalinan kerjasama dengan universiti-universiti antarabangsa yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Selain itu, UniSZA turut mengadakan program-program mobiliti 'in-bound/out bound' staf dan pelajar dengan institusi, agensi dan universiti tersohor di dunia. Sebagai contoh, baru-baru ini kita telah menjalin hubungan dengan University of Al-Tajdid, Turki; sebelumnya dengan University of Mauritius, universiti di Asia Barat, universiti di rantau ASEAN seperti Thailand, Brunei, Indonesia, Singapura dan sebagainya. Pengurusan universiti juga sentiasa menggalakkan staf kita membuat penyelidikan, pembentangan dan penerbitan dengan universiti luar negara. Malahan, para pegawai juga dibenar dan dicadangkan untuk membuat sangkutan kerja (*attachment*) di universiti, institusi/ agensi sektor swasta di luar negara seperti pegawai dari Fakulti Perubatan yang telah menjalani program sangkutan di Jepun dan Korea. Selain daripada itu, UniSZA turut mengambil pendekatan memperkayakan ekosistem akademik dengan pengambilan warga akademik dari negara luar yang cemerlang. Melalui strategi tersebut, diharap kita berupaya mencapai hasrat untuk menjadi sebuah universiti yang bertaraf global.



Apakah strategi yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak Pejabat Pendaftar dalam usaha menangani masalah Covid-19 supaya tidak membantut motivasi staf UniSZA dalam melaksanakan tanggungjawab mereka?

Pandemik COVID-19 turut membawa impak kepada UniSZA amnya dan kepada staf khususnya. Lanjutan daripada masalah COVID-19 ini, pelbagai strategi telah dijalankan dan dibentuk bagi meningkatkan motivasi staf dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Pekeliling dan garis panduan norma baharu pengurusan pejabat dan panduan staf bekerja dari rumah telah dikeluarkan dengan tujuan memberi penerangan tentang panduan bekerja tanpa meminggirkan segala keputusan dan tindakan yang melibatkan kebajikan warga kampus. UniSZA mengambil pendekatan selari dengan saranan kerajaan dengan memberi kelonggaran bekerja kepada staf dengan mengaplikasikan sistem penggiliran bekerja dan pelaksanaan waktu bekerja anjal bagi mereka yang mempunyai kesulitan penjagaan anak-anak di rumah sepanjang pandemik COVID-19 ini.

Selain itu juga, satu sistem penilaian risiko dalam talian telah dibangunkan (ie. CHaSe) dengan kolaborasi Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menilai dan memantau tahap risiko staf terhadap jangkitan COVID-19 dan sistem ini juga digunakan sebagai satu kaedah yang fleksibel bagi melengkapkan sistem e-masa. Selain itu, aplikasi 'Tanya Doktor' telah dibangunkan bagi mendapatkan khidmat nasihat kesihatan dalam talian secara percuma dari pakar-pakar perubatan UniSZA.

Susulan daripada Pandemik Covid-19, bagaimana ia memberi kesan kepada operasi UniSZA terutamanya dari segi pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran, pelan strategik serta hala tuju UniSZA.

Kesan pandemik COVID-19 ini bukan sahaja dirasai oleh UniSZA, bahkan ia turut dirasai oleh seluruh masyarakat dunia. Salah satu kesannya, banyak perancangan yang telah diatur tidak dapat dijalankan. Antaranya program mobiliti staf dan pelajar tidak dapat dijalankan, promosi-promosi program akademik tidak dapat diadakan secara bersemuka, pengajaran dan pembelajaran bersemuka tidak dapat dilaksanakan, warga kampus di bahagian pentadbiran menghadapi kekurangan staf kerana mereka yang berada di dalam kampus adalah terhad disebabkan mereka bekerja mengikut waktu bekerja penggiliran dan sebagainya.

Tetapi dengan situasi yang berlaku, ia menjadi pemangkin kepada UniSZA dari segi perubahan paradigma dan amalan universiti. Bagi pengajaran dan pembelajaran contohnya, anjakan transformasi pengajaran dan pembelajaran telah berlaku dengan pembelajaran secara maya telah mula diadakan dan diteruskan sama ada pembelajaran dalam talian secara bersemuka (*synchronous learning*) atau secara tidak bersemuka (*asynchronous learning*) serta mod pembelajaran yang pelbagai diaplikasikan.

Dari sudut pentadbiran pula, pengoperasian dalam talian juga dimanfaatkan dengan sebaiknya. Malahan beberapa kaedah diperketatkan lagi antaranya, carta alir bagi jadual kerja panduan am, mesyuarat berkala secara atas talian diadakan, pekeliling dan garis panduan bekerja dari rumah dikeluarkan dan sebagainya bagi mengelakkan sasaran pelan kerja tidak tersasar di samping prosedur pengoperasian standard musim COVID-19 diikuti dan dipenuhi sebaiknya serta perencanaan apa yang diutarakan oleh kerajaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Ketua Pusat Tanggung Jawab (KPTj) diselenggarakan.

Diskriminasi Adalah Virus Sosial: Hentikan Penyebarannya Dalam Masyarakat

Ras Azira Ramli, PhD
Harmy Mohamed Yusoff, MD

Coronavirus (COVID-19) merupakan malapetaka baharu yang melanda seluruh dunia pada abad ini yang tercetus pada Disember 2019 di Wuhan, China (Pan et al. 2020; Zheng 2020). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan penyakit ini sebagai pandemik kerana ia telah merebak secara meluas ke serata pelosok dunia.

Pandemik COVID-19 telah mencetus krisis global yang belum pernah terjadi sebelumnya dan telah memberi kesan kepada pelbagai sektor seperti kesihatan, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Ekonomi dunia lumpuh ekoran penutupan banyak premis perniagaan. Banyak syarikat kecil terpaksa gulung tikar. Syarikat penerbangan terpaksa menghentikan penerbangan antarabangsa ekoran penutupan sempadan negara. Natijahnya, ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan perkhidmatan oleh syarikat kecil atau swasta sebagai langkah untuk menyelamatkan perniagaan mereka. Dalam bidang pendidikan pula pembelajaran secara dalam talian terpaksa dilalui oleh pelajar dan para pendidik untuk memastikan kelangsungan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sehingga kini ia telah meragut lebih daripada satu juta nyawa dan menjangkiti lebih daripada 58.6 juta orang di seluruh dunia (COVID-19 Dashboard by the Centre for Systems Science and Engineering 2020) dan jumlahnya terus meningkat setiap masa kerana tiada rawatan berkesan yang ditemui lagi setakat ini. Tidak dapat dinafikan bahawa COVID-19 dapat menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat kerana penyakit ini mudah dijangkiti sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak diambil dengan sewajarnya. Tambahan lagi, kebanyakan pesakit COVID-19 tidak menunjukkan gejala dan mereka sendiri tidak menyedari bahawa mereka telah dijangkiti dengan COVID-19 (He et al. 2020; Zhao et al. 2020). Keadaan ini menimbulkan ketakutan dan kebimbangan kepada setiap orang. Sebahagian daripada punca ketakutan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan dan ketidaksahihan maklumat, kejahilan, persepsi yang tidak berasas dan akhirnya mewujudkan stigma dalam masyarakat atau lebih dikenali sebagai stigma sosial.

Apakah itu stigma sosial dan bagaimana stigma ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental masyarakat? Menurut (Bagcchi 2020; Pescosolido 2013; Sotgiu & Dobler 2020), stigma sosial dalam konteks kesihatan adalah hubungan negatif antara seseorang atau sekumpulan orang

yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan penyakit tertentu. Dalam konteks COVID-19, ini mungkin bererti bahawa seseorang pesakit atau mereka yang dikaitkan dengan COVID-19 sering dipandang serong, menerima layanan yang tidak adil, mengalami diskriminasi dan diperlakukan secara negatif oleh anggota masyarakat.

Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia tidak pernah mendedahkan data peribadi pesakit yang dijangkiti dengan COVID-19, namun nama pesakit telah tersebar di merata platform media sosial sama ada secara sengaja atau tidak. Lebih teruk lagi, maklumat ahli keluarga atau rakan sekerja turut disebar oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini telah menimbulkan stigma sosial dan tingkah laku diskriminatif terhadap pesakit, kaum keluarga atau mana-mana institusi yang dikaitkan dengan jangkitan ini. Kadang kala, orang yang tidak mempunyai penyakit ini tetapi mempunyai ciri-ciri penyakit ini contohnya seorang yang demam, selsema dan sakit tekak turut mendapat tempias daripada stigma ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kekeliruan, kegelisahan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat kita terhadap jangkitan COVID-19 memandangkan tiada vaksin yang efektif untuk melindungi kita daripada jangkitan tersebut. Ini ditambah dengan berita dan maklumat yang tidak sahih yang berlegar pantas di dalam komuniti khususnya komuniti maya. Keadaan ini akan mendorong kepada tindakan melabel dan akhirnya memberikan tekanan dan gangguan mental mereka yang terlibat.

Stigma sosial boleh mengakibatkan masalah kesihatan yang lebih teruk. Stigma sosial yang tidak dibendung boleh melemahkan langkah kawalan penyakit COVID-19. Ini kerana, kumpulan yang berkemungkinan dijangkiti oleh COVID-19 akan mengambil langkah untuk menyembunyikan sejarah kontak dengan pesakit COVID-19 bagi mengelak daripada disisih oleh masyarakat. Ia tidak menghairankan kerana kita sering dikhabarkan dengan berita bahawa pegawai kesihatan atau jururawat dijangkiti oleh COVID-19 berikutan tindakan masyarakat yang tidak telus dalam mendedahkan sejarah perjalanan atau kontak rapat dengan pesakit COVID-19.

Stigma sosial juga mencegah orang awam daripada mendapat rawatan kesihatan dengan segera dan ini menyukarkan pihak kesihatan untuk membendung



penularan penyakit ini. Sekiranya mereka yang dijangkiti tidak diasingkan dengan awal, penularan COVID-19 dalam kalangan komuniti akan berleluasa dan akhirnya boleh melumpuhkan sistem kesihatan negara.

Kesihatan mental semua adalah tanggungjawab bersama. Justeru, dalam membicarakan penyakit COVID-19, penggunaan istilah yang betul adalah sangat penting. Perkataan seperti disyaki, pengasingan, penyebaran dan telah jangkiti boleh memberi kesan negatif kepada golongan masyarakat dan memperkukuhkan stigma sosial ini. Perbualan atau penulisan mereka ini jika ditokok tambah dengan fakta tidak tepat yang mengaitkan COVID-19 dengan faktor lain boleh menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat. Paling merisaukan, pandangan negatif ini boleh meningkatkan kemerosotan tahap kesihatan pesakit sama ada dari aspek fizikal dan mental. Mereka menjadi bertambah bimbang, risau, takut dan mungkin boleh menyebabkan kemurungan dan kebimbangan melampau. Malahan terdapat kes pesakit yang membunuh diri kesan daripada tekanan psikologikal yang mereka hadapi itu. Sebenarnya pesakit dan ahli keluarga mereka memerlukan sokongan dan bukannya cemuhan daripada kita untuk melawan penyakit ini .

Setiap orang termasuk pihak berwajib, media dan masyarakat mempunyai peranan penting dalam mencegah stigma sosial yang berlaku ekoran COVID-19. Usaha untuk mengekang penularan COVID-19 tidak hanya tertumpu kepada kekuatan fizikal, tetapi juga memerlukan kekuatan mental untuk melawan COVID-19.

Bersempena dengan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada 10 Oktober, setiap ahli masyarakat disarankan untuk menjaga kesihatan mental dan kesejahteraan sejagat dengan memberi sokongan serta mengelakkan diskriminasi terhadap pesakit yang dijangkiti oleh wabak ini. Hal ini kerana, diskriminasi adalah virus sosial dan boleh menjadi pembunuh tanpa kita sedari.

Rujukan

- Bagcchi, S. 2020. Stigma during the COVID-19 pandemic. *The Lancet. Infectious Diseases*, 20(7): 782.
- COVID-19 Dashboard by the Centre for Systems Science and Engineering (2020). <https://gisanddata.maps.arcgis.com/apps/opsdashboard/index.html?fbclid=IwAR3W7PoYJBqBa44WcUtFONxzbpKP-CxDJdA6L8R6wy7iku9icM-1gnZ8mTM#/bda7594740fd40299423467b48e9ecf6>. [November 23, 2020].
- He, D., Zhao, S., Lin, Q., Zhuang, Z., Cao, P., Wang, M. H., & Yang, L. 2020. The relative transmissibility of asymptomatic cases among close contacts. *International Journal of Infectious Diseases*.
- Pan, Y., Li, X., Yang, G., Fan, J., Tang, Y., Zhao, J., . . . Liu, Y. 2020. Serological immunochromatographic approach in diagnosis with SARS-CoV-2 infected COVID-19 patients. *Journal of Infection*.
- Pescosolido, B. A. 2013. The public stigma of mental illness: What do we think; what do we know; what can we prove? *Journal of Health and Social behavior*, 54(1), 1-21.
- Sotgiu, G., & Dobler, C. C. 2020. Social stigma in the time of coronavirus disease 2019: *Eur Respiratory Soc*.
- Zhao, H.-j., Lu, X.-x., Deng, Y.-b., Tang, Y.-j., & Lu, J.-c.. 2020. COVID-19: Asymptomatic carrier transmission is an underestimated problem. *Epidemiology & Infection*, 1-7.
- Zheng, J. 2020. SARS-CoV-2: An emerging coronavirus that causes a global threat. *International journal of biological sciences*, 16(10), 1678.

TEKNOLOGI DALAM PERTANIAN

Saiful Iskandar Khalit, Ph.D.

Revolusi Industri (IR 4.0) memainkan peranan yang penting dalam aspek pembangunan global. Malaysia juga tidak terkecuali dalam pembangunan industri ini bagi memacu usahanya ke arah pembangunan yang lebih berimpak tinggi dan bersifat digital. Antara perkara utama yang menjadi perhatian ialah sektor pertanian yang akan melibatkan penggunaan mesin yang dapat menghantar, menerima dan bertindak mengikut arahan dan maklumat yang disambungkan kepada satu sistem melalui rangkaian komunikasi. Keadaan ini memerlukan interaksi antara mesin dengan mesin yang lain melalui satu rangkaian sistem. Ia membolehkan manusia mengeluarkan lebih banyak hasil berbanding kaedah sedia ada sekali gus menjadikan pengurusan proses pertanian lebih cekap, menjimatkan masa dan mampu mengurangkan kos buruh. Oleh yang demikian, pengurusan ladang dapat dijalankan dari pusat kawalan dan penggantungan terhadap tenaga manusia dapat dikurangkan. Penggunaan sistem penderiaan, komputer dan komunikasi pada kenderaan, dron dan jentera lain boleh dicapai sepenuhnya hari ini. Selain itu, penggunaan Sistem Pengesanan Global (GPS) dan rangkaian mudah alih dengan penghantaran data yang memberi maklumat yang lebih tepat bagi pengurusan sesuatu tanaman dilakukan.

Melihat kepada kepentingan untuk mewujudkan keadaan ini, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah melakukan kajian berkaitan penggunaan Kenderaan Udara Tanpa Pemandu atau dalam istilah bahasa Inggerisnya '*Unmanned Aerial Vehicles (UAV)*'. Ia merupakan teknologi yang sedang berkembang pesat dalam kalangan komuniti awam dan saintifik. UAV menyediakan landasan yang dapat disesuaikan untuk pelbagai deria yang telah dilengkapi dan dapat diterbangkan untuk mengumpul maklumat spektrum dan gambar udara dengan resolusi penyelesaian ruang dan masa yang sangat tinggi. Ia merupakan teknologi moden yang paling biasa digunakan dalam sektor pertanian selain bidang pertahanan, ketenteraan dan keselamatan. Dengan bantuan UAV, aktiviti seperti pemantauan tanaman, liputan tanah dan pemantauan pengairan menjadi lebih mudah kerana penggunaan tenaga kerja yang lebih sedikit untuk beroperasi. Menurut Zhang et al. (2016), pemantauan ekologi yang berterusan dapat dilakukan secara lebih efisien dengan sistem UAV yang bercirikan data resolusi tinggi. Oleh itu, teknologi ini dapat meningkatkan penghasilan dalam sektor pertanian. Sebagai contoh, ia pernah digunakan dalam kajian berkaitan rumput Napier (*Pennisetum purpureum*) sebagai makanan ternakan

bagi pengeluaran tenusu dan makanan yang mempunyai nilai nutrisi yang tinggi (Kamaruddin et al. 2018). Oleh itu, penggunaan UAV adalah untuk membezakan ketinggian rumput Napier dua plot yang berbeza menggunakan dron (Gambar 1).



Gambar 1. Penggunaan Dron untuk tujuan penyelidikan

Kadar pertumbuhan rumput Napier juga dapat diukur secara manual dan secara teknologi dron (Gambar 2). Pengukuran ketinggian pokok dengan penginderaan jauh sangat tepat dan dapat dilakukan dengan lebih sedikit masa dan kos berbanding menggunakan kaedah tradisional atau secara manual.



Gambar 2. Output daripada antaramuka aplikasi DJI GO 4


Berbanding dengan pendekatan lain, kaedah ini menghasilkan anggaran hampir sama dan ia turut menyediakan hasil yang tepat, kos yang rendah dan tidak memerlukan pakar terlatih untuk menggunakan dron atau sistem kamera. Walaupun begitu, ia memerlukan lebih masa bagi menganggarkan ketinggian dalam skala besar. Misalnya, untuk kawasan seluas 15 hektar, sesi penerbangan dapat dilakukan lebih dari 1km² selama 28 minit dan mengumpul gambar udara (*aerial photo*) dengan jarak sampel tanah 6.41cm (Birdal et al. 2017).

Selain itu, antara teknologi yang telah dibangunkan dalam sistem ini ialah Reka Bentuk Prototaip Penuaian Air Hujan dan Sistem Pengairan Solar untuk Ladang Skala Kecil. Sistem pengairan semasa di Taman Tanaman Dapur yang digunakan oleh FBIM dikendalikan secara manual dan sumber airnya langsung dari Syarikat Air Terengganu (SATU). Kos penyelenggaraan yang dikeluarkan untuk mengekalkan sistem semasa adalah agak mahal. Justeru, berdasarkan pemerhatian faktor-faktor ini, satu reka bentuk prototaip telah dibangunkan untuk memperbaiki sistem pengairan dengan memanfaatkan sumber alam semula jadi. Konsep projek ini adalah dengan menggunakan air hujan dan matahari sebagai sumber yang boleh diperbaharui. Dengan penggunaan prototaip ini, ia dapat memanfaatkan sumber tenaga hijau yang banyak sehingga menghasilkan kemajuan teknologi yang mengoptimalkan penggunaan tenaga (Gambar 3).



Gambar 3. Penggunaan sistem solar dalam kajian ini.


Reka bentuk ini telah menghasilkan sistem pengairan penjimatan yang efektif dari segi kos dan tenaga. Reka bentuk prototaip dilakukan dengan menggunakan perisian rekabentuk bantuan komputer dua dimensi (2-D) dari perisian AutoCAD (Gambar 4).



Gambar 4. Reka Bentuk prototaip menggunakan perisian AutoCAD.

Pengembangan prototaip dilakukan dengan beberapa jenis peralatan yang tersedia di makmal serta peralatan yang mudah diperolehi oleh pengguna akhir seperti petani dan pengusaha ladang. Hasilnya, berkonsepkan 'smart farming' melalui fasa pembuatan prototaip, bukti konsep, pengujian mock-up dan pra-produksi telah berjaya dan berfungsi dengan baik seperti yang telah ditetapkan. Nilai Keperluan Pengairan Kasar (GIR) untuk kajian ini

adalah 308.22 mm / bulan sementara keperluan minimum pengeluaran tenaga dari output panel solar adalah 0.552 kWh (Gambar 5). Lebih banyak penambahbaikan dapat dilakukan untuk pengembangan prototaip pada masa akan datang dengan mengintegrasikannya dengan teknologi lain seperti pemasangan sensor kelembapan dan pemasa secara yang optimum.




Gambar 5. Pemasangan panel solar.

Jenis prototaip dapat diklasifikasikan sebagai prototaip cepat (*rapid prototype*) dan pembangunan model kerja ringkas dari sistem yang dibina untuk menunjukkan secara visual kepada pengguna. Teknologi ini dapat dikendalikan dengan mudah tanpa input tenaga kerja yang tinggi dan meningkatkan produktiviti serta pertumbuhan tanaman yang lebih sistematik. Teknologi ini dapat mengoptimalkan penggunaan air dan tenaga yang direka bentuk bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk penciptaan teknologi hijau. Ringkasnya, teknologi UAV akan menjadikan sektor pertanian negara dapat dimajukan dengan lebih cepat. Natiujahnya, pengeluaran hasil pertanian di Malaysia menjadi lebih banyak dan berkualiti sama ada untuk kegunaan sendiri atau dieksport ke luar negara.

Rujukan

- Birdal, A. C., Avdan, U., & Türk, T. 2017. Estimating tree heights with images from an unmanned aerial vehicle. *Geomatics, Natural Hazards and Risk*, 8(2): 1144–1156.
- Kamaruddin, N. A., Zulkifli, A. N., Ahmad, N., & Zakaria, J. 2018. Effects of Different Harvesting Ages on Chemical Composition of Five Napier Grass (*Pennisetum Purpureum*) Varieties. 7: 46–49.
- Zhang J, Hu J, Lian J, Fan Z, Ouyang X, Ye W. 2016. Seeing the forest from drones: Testing the potential of lightweight drones as a tool for long-term forest monitoring. *Biol Conserv* [Internet]. 198:60-69. Available from: <http://dx.foi.org/10.1016/j.biocon.2016.03.027>.



Fakulti Perubatan Sumbang Kepakaran Bina Aplikasi ChaSe



Pembinaan aplikasi pintar bagi mengesan dan mengurus risiko jangkitan COVID-19, *ChaSe* yang digunakan di UniSZA kini merupakan gembelengan tenaga dan kepakaran daripada pensyarah-pensyarah Fakulti Perubatan, UniSZA Kampus Perubatan.

ChaSe yang merupakan singkatan bagi *COVID-19 Health Risk Assessment and Self Evaluation System* dibina berasaskan kepakaran perubatan dan teknologi maklumat dari Fakulti Informatik dan Komputeran, UniSZA. Pasukan perubatan yang terdiri daripada pakar epidemiologi, pakar perubatan keluarga, pakar mikrobiologi, pakar otolaringologi, pakar statistik perubatan, pakar pendidikan perubatan, saintis genomik dan neurosaintis turut bertungkus-lumus sepanjang pembinaan model dan aplikasi tersebut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Gerak kerja *CHaSe* bermula dengan perbincangan demi perbincangan, tinjauan literatur, pengenalpastian variabel bagi menjana hipotesis, pengiraan menggunakan kaedah multivariat analisis melibatkan *Principal Component Analysis*, *Factorial Analysis*, *Artificial Neural Network*, dan *Discriminant Analysis*. Antara faktor yang dinilai ialah simptom, petanda

dan sejarah klinikal, sejarah perjalanan dan kontak serta penyakit kronik sedia ada termasuk faktor sosio demografik. Nilai setiap variabel ini dikira dan dimasukkan ke dalam algoritma dan seterusnya pembinaan model pertama *CHaSe*.

Pembinaan model diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Hafizan Juahir dan dibantu oleh Prof. Dr. Harny Yusoff, Prof. Dr. Syed Hatim, Prof. Madya Dr. Aniza Aziz, Dr. Nor Iza Abdul Rahman, Dr. Kamaruzaman Esa, Dr. Salami Ibrahim, Dr. Ras Azira Ramly dan Dr. Samhani Ismail.

Melalui sistem ini, para petugas berjaya menyaring dan mengenal pasti staf dan pelajar yang berisiko rendah, sederhana dan tinggi dijangkiti COVID-19, justeru memberi nasihat berkenaan pengurusannya. Pelaksanaan sistem ini turut mendapat kerjasama daripada Pusat Kesihatan Pelajar UniSZA.

Turut terlibat untuk sesi pengurusan risiko *CHaSe* ialah Prof. Madya. Dr. Mohd Ariff Sharifudin, Dr. Nurulhuda Hassan dan Dr. Nik Ronaidi Nik Mahdi yang tampil mengemukakan kertas kerja permohonan geran pasca COVID-19 di pusat-pusat tahfiz di Malaysia dan di UniSZA.

FKI Juara Pertandingan Menghias Pejabat

Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-63 Peringkat UniSZA

Setiap tahun sambutan Hari Kemerdekaan telah menjadi acara wajib untuk disambut bagi setiap golongan rakyat Malaysia tidak mengira peringkat umur. Namun kemeriahan sambutan Hari Kemerdekaan tidak akan bermakna jika tidak dihayati erti sebenar kemerdekaan itu. Oleh itu, UniSZA telah mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan di peringkat universiti pada 9 Ogos bagi mendidik generasi sekarang untuk lebih menghayati sejarah perjuangan negara dalam mencapai kemerdekaan. Majlis pelancaran ini diadakan bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan warganya.

Terdapat pelbagai program dan aktiviti telah diaturkan oleh UniSZA sempena bulan kebangsaan antaranya pertandingan menghias pejabat, menulis esei kemerdekaan, video dan fotografi. Sehubungan dengan itu, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menyertai pertandingan menghias pejabat yang telah diadakan pada 16-31 Ogos dan meliputi kawasan pejabat di FKI. Proses penilaian oleh juri telah diadakan pada 1-3 September. Pertandingan ini juga memberi fokus utama kepada keceriaan sambutan Hari Kemerdekaan serta kreativiti



pengibaran Jalur Gemilang di Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.

Pertandingan menghias pejabat di FKI ini telah mendapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya dalam kalangan staf pentadbiran dan staf akademik. Semua pihak telah bertungkus lumus selama beberapa hari bagi membuat persediaan menghias di luar dan di dalam pejabat. FKI telah mengambil inisiatif untuk menggunakan bahan-bahan terpakai bagi menghias pejabat. Antara bahan terpakai yang digunakan ialah surat khabar lama, bekas telur, basikal lama, tempurung kelapa dan sebagainya. Selain itu, FKI juga telah menggantung bendera di dalam

pejabat dan di kawasan tempat letak kereta staf pengurusan FKI. Dengan cara ini, ia dapat menambahkan lagi semangat dan keceriaan di pejabat FKI. Selain itu, FKI juga menyediakan sudut informasi nama-nama Perdana Menteri Malaysia dari dulu sehingga kini. Kerja-kerja menghias pejabat ini telah dipantau oleh Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi.

Pada 30 September, majlis penyampaian hadiah sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat UniSZA telah diadakan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam telah berjaya menjadi johan bagi kategori menghias pejabat. Pemenang bagi setiap kategori telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai beserta sijil penyertaan. Melalui pertandingan ini, diharapkan warga FKI dapat memupuk perasaan cintakan tanah air serta menjadi warganegara yang berintegriti, hormat menghormati serta tidak menghina budaya dan agama setiap kaum yang boleh menggugat keamanan sejagat.



Jaringan Kerjasama FBIM dan T-Kitchen

Bagi melebarkan jaringan kerjasama dan memperkukuh hubungan bersama industri, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) mengadakan perbincangan bersama Terengganu Kitchen Sdn. Bhd (T-Kitchen) dalam satu majlis yang diadakan pada 15 September di UniSZA Kampus Besut.

Syarikat T-Kitchen ialah pengeluar makanan sejuk beku tradisional Terengganu dan telah berjaya menghasilkan produk yang menembusi pasaran antarabangsa. Sehingga kini, terdapat sepuluh produk makanan yang dikeluarkan oleh TKitchen termasuk Nasi Dagang Terengganu, Nasi Minyak Hujan Panas Kurma Daging, Nasi Lemak Sambal Ikan, Nasi Goreng Ikan, dan Ayam Goreng Kunyit. Selain itu, T-Kitchen turut mengeluarkan beberapa jenis kuih sejuk beku untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

Berdasarkan rekod, FBIM menjalankan penyelidikan bersama bagi menghasilkan Nasi Dagang Terengganu yang menjadi produk sejuk beku utama di T-Kitchen. Oleh yang demikian, sesi perbincangan dua hala yang diadakan pada kali ini adalah bertujuan ke arah mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalankan penyelidikan, konsultasi, aktiviti akademik seperti latihan industri dan beberapa aktiviti yang berkaitan.

Dekan FBIM, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd menyatakan, kunjungan T-Kitchen dilihat sangat strategik terutamanya dalam meneruskan penyelidikan produk terdahulu di samping menjalankan kajian untuk pembangunan produk baharu yang berpotensi. Selain itu, hasil kerjasama yang dijalankan juga, FBIM turut bersedia untuk memberi khidmat rundingan dan menjalankan penyelidikan menggunakan kepakaran dan kemudahan sedia ada.

Kerjasama yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak diharapkan dapat membantu merealisasikan impian dan mengukuhkan lagi hubungan erat antara kedua-dua jaringan industri. Hal ini sangat penting bagi memastikan hasil kajian di universiti dapat diaplikasikan di peringkat industri demi kepentingan masyarakat



Pelancaran Aplikasi Kursus Pra-Perkahwinan dalam Talian (MyBahagia)



UniSZA telah berjaya melancarkan aplikasi web MyBahagia sebagai pelantar yang menyediakan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPI) secara dalam talian yang pertama di negara ini.

Projek itu telah diketuai oleh pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) yang juga merupakan Pengarah di Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar, Prof. Madya Dr. Mokhairi Makhtar. Pelancaran MyBahagia telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan di UniSZA Kampus Gong Badak.

Dr. Mokhairi berkata, “MyBahagia dibangunkan sebagai persediaan kepada pasangan yang ingin berkahwin untuk mendapatkan informasi seperti tanggungjawab suami isteri, pengurusan kesihatan keluarga, pengurusan stres dan konflik

serta modul lain yang berasaskan MBKPI Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Semua kandungan dalam MyBahagia diolah dalam bentuk interaktif dan digital yang menarik dan mudah difahami pengguna. Kami yakin inisiatif ini mampu memberikan keyakinan dan membantu mempersiapkan diri pasangan dengan ilmu pengetahuan alam perkahwinan sebelum menghadiri temuduga khas,” katanya.

Menurutnya, kandungan digital ini dibangunkan dengan kerjasama pakar bidang Pengajian Islam, Perubatan, Kewangan Islam, Undang-undang Islam dan Teknologi Maklumat dari UniSZA. Ujarnya lagi, pihaknya juga sedang dalam proses bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) untuk mengeluarkan sijil kursus pra perkahwinan yang diiktiraf oleh seluruh negeri.



Penerbit UniSZA Sertai Karnival Buku Ilmiah dalam Talian

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) merupakan pencetus kepada terjadinya Karnival Buku Ilmiah (KABI) dalam talian yang telah berlangsung sebanyak dua kali pada tahun ini. Idea mewujudkan KABI ini tercetus lantaran dunia dilanda wabak COVID-19 yang menyebabkan pesta dan jualan buku secara fizikal terpaksa dibatalkan sehingga akhir tahun 2020.

KABI 1.0 berlangsung buat pertama kalinya pada 1-20 Mei dan diteruskan dengan KABI 2.0 bermula 12 Okt-12 Nov. Bagi edisi kedua ini, MAPIM mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Shopee sebagai rakan strategik dengan menganjurkan MAPIM X SHOPEE yang bermula pada 26 Okt-11 Nov. KABI yang mengetengahkan tema “Kami Bawa Karya Ilmiah Terbaik Ke Pintu Rumah Anda” telah berjaya mencapai objektif penganjurannya kerana orang ramai boleh mendapatkan buku ilmiah pilihan mereka dari rumah sahaja.

KABI telah disertai oleh 28 buah penerbit universiti dan penerbit swasta. Selain daripada aktiviti jualan buku dalam talian, KABI juga menawarkan pelbagai aktiviti lain yang menarik berkaitan pembukuan, antaranya slot Bual Buku dan Bedah Buku Republika Merah secara dalam talian, aktiviti Larian, Berbasikal dan Baca (*Virtual Run, Ride and Read, V3R*) dan Hab Latihan MAPIM (MAPIM Training Hub MATRAH).

Kesekian kalinya, Penerbit UniSZA tidak pernah ketinggalan untuk menyertai sebarang pesta buku yang diadakan bagi menyebarkan lagi karya terbitan UniSZA. Justeru, penyertaan Penerbit UniSZA dalam KABI pada tahun ini merupakan satu komitmen dan usaha yang berterusan untuk mempromosi dan menjual karya-karya ilmiah yang diterbitkan. Sepanjang penyertaan ini, Penerbit UniSZA telah mencatatkan rekod jualan yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM10,276.94 melalui platform Shopee Penerbit UniSZA. Peningkatan jumlah jualan ini dibantu oleh penghasilan pelbagai judul baharu, strategi pemasaran yang berkesan serta penggunaan platform jualan baharu yang lebih meyakinkan.

Selain daripada jualan buku dalam talian, Penerbit UniSZA turut terlibat dalam Program Bedah Buku “Republika Merah” yang merincikan kandungan buku berjudul *Refueling an Islamic Government* oleh Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. Buku ini membincangkan tentang kerajaan Islam yang berhak mengenakan cukai tambahan dengan mengenakan beberapa syarat sebelum dilaksanakan. Buku ini sesuai untuk masyarakat yang ingin mengetahui tentang zakat dan sistem percukaian Islam.

Antara judul yang mendapat perhatian sepanjang pelaksanaan KABI ialah, *Risk Modelling, Assessment and Management, Quick Reference to Diabetic Practice, Mazhab Syafi'i Legasi dan Pengaruhnya di Malaysia, Konsep Fatwa dalam Islam, Al-Miftah fi Ahkam al-Nikah* dan *Lailahailallah Manual Amalan Sufi Tok Ku Paloh*.

Staf FSK Dijemput Menjayakan Program Komuniti Bersama Bank Negara Malaysia

Satu Program Kesihatan Bersama Bank Negara Malaysia (BNM), Kuala Terengganu telah diadakan pada 20 September anjuran Klinik Keluarga Ilyana, Kuala Terengganu melibatkan seramai 20 orang kakitangan BNM. Pensyarah Dietetik daripada Program Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), UniSZA iaitu Dr. Che Suhaili Che Taha telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk *Eat to Live or Live to Eat*. Program kali ini diberi nafas baru dengan menambah aktiviti sendiri. Setiap peserta perlu mengira Indeks Jisim Tubuh (IJT) dan menilai kategori IJT masing-masing dengan bantuan Pegawai Dietetik UniSZA iaitu Puan Nik Aina Asyarah, Cik Fatin Arira dan Cik Amira Nadiah. Mereka berperanan melakukan

penilaian status pemakanan peserta melibatkan pengukuran tinggi, berat, peratus lemak dan ukur lilit pinggang. Mereka juga membantu peserta dalam melakukan penilaian masing-masing bagi memastikan objektif aktiviti yang dirancang tercapai.

Selesai aktiviti sendiri, penceramah meneruskan program dengan menyampaikan ceramah berkaitan konsep pemakanan dan diet yang sihat khususnya untuk mereka yang bekerja di pejabat. Panduan berkaitan pemilihan makanan sihat di kafeteria dan kedai makan telah diberikan dengan penekanan terhadap waktu makan yang sesuai dan saiz hidangan yang sihat berdasarkan konsep Suku Suku Separuh. Peserta turut mendapat maklumat berkaitan konsep keseimbangan tenaga

dengan menekankan elemen *calories in* dan *calories out*. Maklumat sebegini bukan sahaja penting untuk meningkatkan kefahaman peserta dalam mengaplikasi cara hidup yang sihat malah meningkatkan kesedaran peserta untuk menjaga dua elemen penting dalam gaya hidup sihat iaitu diet dan aktiviti fizikal. Sebelum program berakhir, semua peserta diberi nasihat untuk kekal aktif, kekal positif, makan secara tetap dan sihat serta meningkatkan pengambilan buahan dan sayuran dalam diet seharian. Secara keseluruhan, program ini mendapat sambutan yang sangat baik dengan penglibatan aktif daripada semua kakitangan yang terlibat sepanjang program berlangsung.

FBK Laksanakan Program Penyerahan Sumbangan Buku kepada Komuniti

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah mengadakan program penyerahan sumbangan buku kepada komuniti pada 8-9 September. Koleksi buku yang disumbangkan adalah terdiri daripada buku berbahasa Inggeris. Penyerahan buku ini disempurnakan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah, FBK, Encik Mohd Hazli Yah @ Alias.

Lokasi pertama serahan buku ialah Muzium Negeri Terengganu. Buku-buku yang diserahkan ialah buku-buku sastera bahasa Inggeris. Kesemua buku tersebut akan ditempatkan di perpustakaan muzium.

Menurut Ketua Bahagian Etnologi Muzium Negeri Terengganu, Encik Mohd Hafis A. Rahman, sebahagian

daripada buku tersebut akan digunakan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pasukan Bacabuk. Pasukan tersebut merupakan aktivis masyarakat yang aktif dalam penganjuran aktiviti bagi menggalakkan pembudayaan membaca buku di negeri Terengganu.

Lokasi kedua serahan buku diadakan di Sekolah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot. Kesemua buku tersebut diserahkan kepada Guru Panitia Bahasa Inggeris, Puan Surina Jemat. Buku yang diserahkan adalah buku fiksiyen berbahasa Inggeris yang sesuai untuk pelajar sekolah menengah.

Selain kedua-dua buah institusi tersebut, pihak fakulti turut menghantar dan menyerahkan koleksi

buku fiksiyen bahasa Inggeris dan buku cerita bahasa Inggeris untuk kanak-kanak kepada Sekolah Kebangsaan Kompleks Tembesu dan Sekolah Kebangsaan Gong Badak.

Program ini merupakan inisiatif bagi meningkatkan kesedaran membaca serta merapatkan lagi hubungan antara fakulti dengan masyarakat setempat, di samping dapat meningkatkan nilai keilmuan kepada semua.



FSK Kongsi Ilmu Bersama *Home Manager*

Dua pegawai dietetik Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UniSZA, Cik Nurul Zahidah Muhammad dan Cik Nur Ain Fatinah Abu Bakar telah dijemput untuk berkongsi ilmu bersama peserta Kursus Asas Pengurusan Kediaman (*Home Manager*) Siri 1/2020 yang diadakan pada 23-27 September.

Kursus anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga dan Masyarakat ini diadakan di Quinara Al-Safir Resort dan disertai oleh 30 orang peserta. Para peserta merupakan *Home Manager* yang baru dilantik.

Perkongsian ilmu dimulakan dengan topik pemakanan sihat untuk kanak-kanak yang telah disampaikan oleh Cik Nur Ain Fatinah. Peserta telah diberikan pendedahan berkenaan teknik pemberian susu dengan betul kepada kanak-kanak dan bayi. Topik ini diulas susulan daripada terlalu banyak berita kematian bayi akibat tersedak susu ketika bersama pengasuh. Jadi, amat penting bagi setiap peserta untuk mengetahui teknik pemberian susu yang betul bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Cik Nur Ain Fatinah juga telah berkongsi maklumat berkaitan pemakanan kanak-kanak yang sesuai mengikut peringkat umur dan juga diet untuk 'bercerai' susu. Selain itu, beliau juga berkongsi cara-cara dan kaedah penyimpanan susu dengan betul kerana perkara ini perlu dititikberatkan oleh penjaga bayi dan kanak-kanak.

Sementara itu, Cik Nurul Zahidah telah menyentuh topik pemakanan bagi golongan dewasa dan warga emas. Antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh beliau adalah faktor-faktor yang mempengaruhi pemakanan warga emas. Umum mengetahui bahawa berada dalam fasa umur warga emas menjadikan seseorang itu mudah terdedah kepada pelbagai jenis penyakit. Justeru, pemakanan yang sihat, tepat dan seimbang amat penting agar kesihatan warga emas terjaga. Apabila usia menjangkau kepada 60 tahun, seseorang itu sudah dikategorikan sebagai warga emas. Kebanyakan warga emas ini mempunyai masalah menelan dan mengunyah disebabkan oleh pelbagai faktor.

Jenis-jenis modifikasi tekstur diet yang sesuai telah diterangkan dalam ceramah ini. Antara diet yang dikongsi ialah diet cincang, diet lembut dan diet puri. Pendedahan mengenai pemakanan melalui tiub juga telah diberikan kepada peserta. Bagi pemakanan golongan dewasa yang sihat, pemakanan yang seimbang telah diterjemahkan kepada pinggan sihat. Peserta telah diterangkan mengenai konsep suku-suku separuh.

Kesimpulannya, semua peserta telah mendapat pengetahuan yang berguna hasil daripada ceramah yang diberikan. Sebagai seorang *home manager*, mereka perlu memastikan khidmat yang mereka berikan adalah tepat kerana antara tugas mereka adalah menyediakan makanan, membantu memberikan susu melalui tiub pemakanan dan menjaga warga emas.





FRIT Terus Dekati Masyarakat

Komuniti adalah satu kelompok masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat atau daerah yang menjalani kegiatan harian bersama-sama. Peranan komuniti yang sihat dan aktif amat penting dalam proses membentuk dan melahirkan generasi berintelekt di samping mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi bagi menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan sesebuah institusi.

Pada 19 Ogos, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) UniSZA dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah melaksanakan Program Bersama Komuniti di Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Seberang Takir. Program ini disertai oleh 40 orang kakitangan FRIT, staf Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi dan MBKT.

Program bermula dengan taklimat ringkas oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) FRIT, Dr. Nur Haizal Mat Yaakob@Ariffin. Program ini adalah cetusan idea beliau bagi menggalakkan sumbangan khidmat komuniti dalam kalangan staf.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mewujudkan hubungan yang baik antara pihak universiti dengan komuniti luar di samping merapatkan jurang antara warga FRIT dengan masyarakat. Program ini juga dapat menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti komuniti yang dekat di hati masyarakat.

Dalam ucapan penutup, Dekan FRIT, Prof. Ts. Dr. Saiful Bahri Mohamed berkata, beliau berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh warga FRIT dalam menjayakan program ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pengetua Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi kerana menerima kunjungan warga FRIT dan berharap program ini menjadi pencetus kepada program-program komuniti yang lain.

Program seumpama ini diharap dapat meningkatkan nilai jati diri dan nilai kemasyarakatan yang tinggi dalam diri kakitangan UniSZA supaya tiada jurang antara warga UniSZA dengan masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan slogan UniSZA di Hati.



Lawatan dan Latihan Staf HPUniSZA Ke HPUA

Selaras dengan pembangunan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA) yang dijangka siap dibina pada pertengahan tahun 2021 dengan operasi awal yang dijangka dapat dimulakan penghujung tahun 2021, staf pentadbiran dan klinikal HPUniSZA mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan ke beberapa Hospital Pengajar Universiti Awam (HPUA) di Malaysia. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari dan meneladani amalan terbaik, berkongsi idea dan kepakaran bagi memberi perkhidmatan yang komprehensif, serta mewujudkan budaya kerja yang cemerlang apabila hospital beroperasi kelak. Antara hospital pengajar yang telah dilawati setakat ini ialah Sultan Ahmad Shah Medical Centre@IIUM (SASMEC@IIUM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Lawatan ke SASMEC@IIUM yang diadakan pada 3 September disertai oleh lapan orang wakil dari pelbagai jabatan iaitu Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Kewangan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Kerja Sosial Perubatan, dan Jabatan Rekod Perubatan. Sesi kedua lawatan pada 24 September pula melibatkan sebelas orang staf klinikal dari Jabatan Kejururawatan dan Jabatan Pengimejan Perubatan. Lawatan siri pertama telah diketuai oleh Ketua Penolong Pendaftar PPHU, Puan Khairulakmal Nor dan disertai oleh tiga orang ahli Pengurusan Pusat Pengurusan Infrastruktur & Rangkaian (PPIR), UniSZA. Kunjungan pihak HPUniSZA ke SASMEC@IIUM

telah disambut mesra oleh Pengurusan SASMEC@IIUM yang diketuai oleh Pengarah Hospital, SASMEC@IIUM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Saufi Awang. Lawatan dimulakan dengan sesi pengenalan dan latar belakang hospital yang turut disertai oleh barisan pengurusan SASMEC@IIUM yang lain iaitu Pengarah Pengurusan, Timbalan Pengarah Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran, Timbalan Pengarah Kewangan dan wakil-wakil jabatan lain yang berkaitan.

Dalam ucapan aluannya, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Saufi Awang mengucapkan terima kasih atas kunjungan pihak HPUniSZA. Beliau menyatakan bahawa pihaknya sentiasa terbuka serta mengalu-alukan sesi perkongsian dua hala antara HPUA bagi berkongsi maklumat dan kepakaran demi memastikan kemajuan HPUA. Selanjutnya, sesi lawatan diteruskan dengan mengunjungi jabatan mengikut bidang masing-masing. Antara perkara yang dapat dikongsi adalah penyusunan stuktur organisasi, fungsi serta tugas yang perlu dilaksanakan dalam jabatan-jabatan berkenaan.

Dalam lawatan sesi kedua oleh wakil dari Jabatan Kejururawatan dan Jabatan Pengimejan Perubatan, selain daripada taklimat pengenalan oleh Pengarah Hospital dan Ketua Perkhidmatan Kejururawatan SASMEC@IIUM, staf turut dibawa melawat ke wad dan Jabatan Kualiti untuk melihat penyediaan dokumen kualiti bagi pengurusan klinikal. Kedua-dua sesi lawatan

dan perkongsian ini amat bermakna dalam membantu HPUniSZA memantapkan tadbir urus bahagian pengurusan, pengurusan teknikal dan pengurusan klinikalnya. Kedua-dua sesi lawatan diakhiri dengan pertukaran cenderamata dan sesi fotografi melibatkan kedua-dua belah pihak, dan PPHU.

Seterusnya, lawatan dan latihan ke Bahagian Kewangan di PPUM turut diadakan melibatkan staf dari Bahagian Kewangan HPUniSZA pada 28 September hingga 2 Oktober. Lawatan dan latihan ini telah dihadiri oleh tiga orang staf iaitu Penolong Bendahari Kanan, Penolong Bendahari, dan Penolong Akauntan.

Objektif utama lawatan dan latihan di Bahagian Kewangan PPUM pula bertujuan menimba pengalaman secara langsung dalam pengendalian operasi kewangan hospital universiti. Staf HPUniSZA telah disambut oleh Ketua Akauntan PPUM, Puan Maisarah Abdul Rahman dalam sebuah majlis pembukaan yang turut dihadiri oleh staf daripada Bahagian Kewangan PPUM. Delegasi lawatan diberi penerangan terperinci tentang fungsi-fungsi bahagian di Bahagian Kewangan PPUM. Bahagian Kewangan PPUM terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Kawalan dan Pematuhan, Bahagian Hasil, dan Bahagian Pengurusan Kewangan. Selain itu, staf juga diberikan pendedahan berkaitan sistem kewangan yang mengaplikasikan kemudahan tanpa tunai seperti penggunaan perbankan internet, kad debit dan kad kredit.

Hasil lawatan ke dua buah institusi ini memberikan satu impak positif kepada para peserta. Perkongsian kepakaran dan pengalaman serta *on the job training* yang diberikan dapat dijadikan penanda aras kepada HPUniSZA sebagai persediaan untuk memulakan operasi pada penghujung tahun 2021.





Jalinan Hubungan antara Fakulti Farmasi dengan Farmaseutikal IKOP

IKOP Sdn. Bhd. sebelum ini dikenali dengan nama IIUM Pharmacy Sdn. Bhd. mengendalikan sebuah kilang farmaseutikal yang menghasilkan produk farmaseutikal dengan pensijilan halal di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.

Lawatan ini bertujuan menjalinkan hubungan antara Fakulti Farmasi dengan IKOP berkaitan sangkutan industri staf akademik dan latihan industri pelajar Sarjana Muda Farmasi di IKOP. Kedatangan pihak fakulti yang disertai oleh staf akademik dan staf pentadbiran pada 1 September disambut oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IKOP, Prof. Madya Dr. Farahidah Mohamed. Dalam lawatan ini, pihak fakulti dibawa untuk melawat sekitar makmal di

Kuliyah Farmasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan kilang farmaseutikal IKOP. Pelbagai peralatan dan teknologi makmal yang ditunjukkan memberi dorongan kepada pihak pengurusan fakulti untuk mengembangkan lagi kemudahan makmal di Fakulti Farmasi.

Di samping itu, prosedur operasi standard yang perlu dipatuhi semasa berada di kilang seperti pemakaian kelengkapan pelindung diri contohnya pelitup muka, pelitup kepala, gaun, sarung tangan dan sarung kaki turut dijelaskan. Lawatan ini dapat memperbanyak bentuk kerjasama dengan pihak IKOP Sdn. Bhd. dalam bidang penyelidikan dan inovasi.



Program Bridget Kerja Kawalan Musuh Tanaman Padi Bersama Komuniti Tani KETARA



Staf Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA telah turun padang ke Kumpulan Pengguna Air (KPA) Awak IADA KETARA Besut, Terengganu untuk bersama-sama menjayakan 'Program Bridget Kerja Kawalan Musuh Tanaman Padi (Penanaman Pokok Kawalan Perosak)' bersama komuniti tani KETARA.

Program yang diadakan pada 10 September adalah bertujuan menanam pokok *Turnera subulata* yang menjadi sumber makanan kepada serangga

baik (serangga yang menjadi musuh serangga perosak padi). Secara teorinya, kewujudan sumber makanan (bunga pokok *Turnera*) akan menarik lebih banyak serangga baik ke kawasan penanaman padi dan secara tidak langsung akan mengurangkan populasi serangga perosak. Kaedah kawalan perosak secara bio ini telah terbukti berkesan dalam aktiviti penanaman padi di Malaysia.

Kerjasama baik antara FBIM dengan masyarakat tani di IADA KETARA dalam aktiviti penyampaian

ilmu hasil daripada penyelidikan kepada masyarakat menepati moto UniSZA iaitu Ilmu Demi Faedah Insan. Aktiviti seperti ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan demi melestarikan alam sekitar.



Perkongsian Isu Perundangan Menerusi Program Baitul Qanun



Program Baitul Qanun diadakan untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi maklumat berhubung isu-isu perundangan kepada masyarakat setempat khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah. Program ini merupakan program tahunan berbentuk khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA). Ia dilihat berupaya menjadi platform kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat perundangan dan secara tidak langsung memberi kesedaran tentang kepentingan undang-undang dalam negara.

Bertempat di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMASZA), Kuala Terengganu, untuk kesekian kalinya, FUHA menganjurkan program ini pada 15 dan 22 September. Program ini diisi dengan dua slot ceramah iaitu Kerjaya Undang-Undang dan Kesedaran Undang-Undang Berkaitan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja. Antara peserta yang terlibat dalam program ini ialah para pelajar dan guru SMASZA dan para pensyarah FUHA.

Program ini menjadi satu medium untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melakukan perubahan terhadap potensi diri, minda dan tingkah laku pelajar dari segi prospek kerjaya undang-undang serta memberi kesedaran undang-undang berkaitan media sosial dalam kalangan remaja. Secara tidak langsung program ini juga dapat melahirkan generasi yang mampu menjadi pemangkin terhadap aspirasi negara.

Penceramah program ini ialah pensyarah kanan FUHA iaitu Dr. Abdul Majid Tahir Mohamed dan Dr. Nazli bin Ismail@Nawang. Kedua-dua sesi ceramah ini telah mendapat maklum balas positif dalam kalangan pelajar dan guru. Malahan, mereka mengharapkan agar program ini diteruskan pada masa akan datang.





Program Komuniti Harmoni dan Gotong Royong Membaiki Rumah di Kg. Wakaf Gelam, Tembila

Pada 19 Julai, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Besut telah mengadakan Program Komuniti Harmoni dan Gotong Royong di Kg. Wakaf Gelam, Tembila. Seramai 44 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran FIK terlibat dalam program ini.

Program komuniti ini dirancang susulan musibah pokok tumbang yang berlaku kepada anak bekas pekerja pembersihan di FIK yang

menyebabkan hampir keseluruhan struktur rumah beliau runtuh. Setibanya di lokasi, peserta telah diagihkan mengikut pembahagian tugas seperti aktiviti mengemas rumah, membersihkan persekitaran rumah, mengecat serta memasang perabot dan peralatan rumah yang lain.

Program Komuniti anjuran FIK sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi menyuntik kesedaran dalam kalangan Warga FIK supaya sentiasa peka dengan peranan

universiti hari ini yang tugasnya bukan sahaja perlu mendidik anak bangsa bahkan perlu menunjukkan keprihatinan universiti kepada masyarakat setempat melalui aktiviti sebegini.

Mewakili Warga FIK, Dekan FIK Prof. Madya. Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose turut menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan asas kepada mangsa pada akhir program.



Program Khidmat Komuniti 'Sayangi Pantai Dan Alam Sekitar'



Program khidmat komuniti 'Sayangi Pantai dan Alam Sekitar' dianjurkan bersama antara Fakulti Biosumber Industri Makanan (FBIM), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Gerda Mas / Pengkalan Kubur serta Kelab Sukan dan Kebajikan Staf, FBIM. Program yang diadakan pada 27 September di Pantai Dendong berhampiran pantai belakang UniSZA Kampus Besut.

Objektif penganjuran program adalah untuk menanamkan rasa cinta kepada kebersihan alam sekitar, memupuk semangat kerjasama dan bersatu padu dalam kalangan peserta. Seramai 71 orang peserta menyertai program khidmat komuniti



ini yang terdiri dalam kalangan staf FBIM, Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), Fakulti Farmasi (FF), Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) dan Pejabat Pendaftar (PP).

Program khidmat komuniti ini dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Pengarah Program, Prof. Madya Dr. Nalini Arumugam dan disusuli dengan sesi senaman memanaskan badan. Program diteruskan dengan ucapan daripada wakil dekan, Prof. Madya Dr. John Tang Yew Huat sebelum majlis dirasmikan oleh Pengerusi MPKK Kg. Gerda Mas / Pengkalan Kubur iaitu Encik Abdullah Awang Mat. Seterusnya, para peserta diminta bergerak dalam kumpulan kecil untuk mengutip dan mengumpulkan sisa buangan seperti botol, plastik dan serpihan *foam box*. Sisa buangan ini dipercayai dihanyutkan air laut dan terdampar di kawasan pantai. Program hampir dua jam ini berjaya mengumpulkan kira-kira seratus beg plastik sampah.

Aktiviti gotong-royong sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang dengan melibatkan lebih ramai peserta memandangkan kawasan pantai yang luas dan dipenuhi dengan timbunan sampah. Selain itu, aktiviti yang dijalankan ini juga dapat mengeratkan hubungan UniSZA dengan wakil komuniti setempat dan membuka ruang komuniti masyarakat untuk berkomunikasi dengan pihak UniSZA. Secara keseluruhannya, program ini berjaya diadakan seperti yang dirancang dengan penyertaan yang menggalakkan daripada staf FBIM dan beberapa PTJ lain.

Pusat Islam UniSZA Anjur Sambutan Maal Hijrah

Maal Hijrah atau dikenali sebagai Awal Muharram merupakan hari yang penting bagi umat Islam kerana ia menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu penghijrahan s.a.w. dari Mekah ke Madinah pada tahun 622M. Sambutan ini bertujuan mengenang betapa pentingnya tarikh hijrah yang menjadi anjakan paradigma dalam sejarah Islam yang membentuk kerajaan, membuat hubungan diplomatik serta menyampaikan dakwah Islam secara global.

Berasaskan peristiwa ini, program Maal Hijrah dianjurkan oleh pihak Pusat Islam, dengan tema 'UniSZA di Ambang Maal Hijrah 1442H' melibatkan seramai 70 orang yang terdiri daripada masyarakat luar dan staf Pusat Islam. Program ini berlangsung pada 19-21 Ogos di masjid UniSZA, Kampus Gong Badak.

Program dimulai dengan bicara Maal Hijrah yang telah disampaikan



oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan bersama Timbalan Pengarah Pusat Islam, PM Dr. Nor Hafizi Yusof yang bertindak selaku moderator. Program disambung dengan kuliah Subuh khas Maal Hijrah oleh Ustaz

Ahmad Muzani Abd Rahman dan kuliah Maghrib khas Maal Hijrah 1 pula disambung oleh Prof. Dr. Basri Ibrahim. Kuliah Maghrib khas Maal Hijrah 2 oleh Ustaz Haji Talib Abdul Rahman menjadi penutup program. Dalam kuliah Maghrib tersebut, beliau menyatakan bahawa salah satu kelebihan orang yang berhijrah ialah dipermudahkan rezeki. "Jika anak panah tidak berpisah pada busur, dia tidak akan mengenakan sasarannya" merupakan antara kata-kata yang dipetik daripada Imam Syafie untuk menegaskan keperluan berhijrah dalam kehidupan. Program ini melahirkan rasa penghayatan terhadap sirah perjuangan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. serta sebagai panduan dan motivasi dalam melahirkan umat Islam yang cemerlang.



Pusat Islam dan Kompleks Abatoir Kuala Nerus Jabatan Perkhidmatan Veterinar Anjur Program Ibadat Korban dan Akikah

Ibadat korban merupakan ibadat sunat yang dituntut dalam agama Islam. Ia dilakukan dengan menyembelih ternakan korban pada Hari Raya Aidil Adha dan Hari-hari Tasyrik dalam bulan Zulhijjah. Objektif program 'Ibadah Qurban dan Aqiqah Pusat Islam 2020' adalah untuk memperingati semangat perjuangan Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s. yang mewujudkan sifat tabah dan sabar dalam diri umat Islam untuk mematuhi perintah Allah s.w.t. serta meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan kakitangan dan komuniti.



Sehubungan itu, Pusat Islam dengan kerjasama Kompleks Abatoir Kuala Nerus, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menganjurkan program ini pada 31 Julai lalu mengikut *Standard of Procedure* (S.O.P) pencegahan wabak COVID-19. Program tahun ini berbeza dengan tahun sebelumnya kerana ia tidak melibatkan kehadiran peserta korban untuk turut sama ke lokasi penyembelihan. Hanya petugas yang berdaftar sahaja yang terlibat. Peserta korban diminta untuk berada di rumah sehingga dimaklumkan menerusi panggilan telefon selepas pembahagian lembu korban selesai dan mereka mengambil bahagian korban tersebut dengan mengenal pasti nama serta nombor giliran.

Pada tahun ini, sebanyak 17 ekor lembu atau 119 bahagian yang dikorbankan dengan jumlah yuran yang dikenakan ialah sebanyak RM650 bagi setiap satu bahagian. Penyertaan ini terbuka kepada seluruh warga UniSZA serta komuniti setempat. Program ini dapat disempurnakan hasil kerjasama daripada staf Kompleks Abatoir, kakitangan Jabatan Keselamatan, komuniti setempat serta sukarelawan pelajar yang melancarkan proses penyembelihan, melapah dan pematangan daging.



COVID-19 hasn't Stopped Internationalisation

The year 2020 has seen the whole world impacted by the spread of Covid-19. It is truly a global issue that has demanded our attention and forced us to adapt the way we do things at the university in order to continue to provide excellence in education. This is especially true when it comes to internationalisation.

Internationalisation has long been an important priority for UniSZA. It involves not only enrolling international students on a full-time basis for study, but also stresses providing an international experience for our Malaysian students. Often this is done through mobility, with local students travelling to other countries to gain experience overseas for a fixed period of time. With the current restrictions on travel in place since March 2020, the International Centre has worked together with all the faculties and university management to adopt new ways of operating that allow internationalisation to continue.

While existing international students have been permitted to return to Malaysia for the purpose of continuing their studies, the same is not true for new students. At the moment, all new students are not yet allowed to enter Malaysia over concerns related to Covid-19. In order to continue to grow our international student population, UniSZA has modified its entry process. Applications are processed as usual online for postgraduate studies. Once students receive their offer letter, a visa application is processed. After thorough screening, a 'Supporting Letter' is issued by Education Malaysia Global Services. With this letter, and a valid medical report from their home country, the students proceed to register online. New postgraduate students can then begin the early stages of their studies with us online. Undergraduate students follow this same process. Successful applicants register once they fulfil the visa and medical requirements and begin their studies online. Since the start of these travel restrictions, 69 new international students have registered, bringing

our current international student enrollment to 1,091, or 10% of our student population, achieving our target for the UniSZA Strategic Plan 2020-2023.



International student enrollment can be maintained in part because of online promotion. Working with private education fair organisers, EMGS, and Education Malaysia offices overseas, UniSZA has strived to continue efforts at promoting all our programmes in countries such as Indonesia, Pakistan, India, Bangladesh, Uzbekistan, and Kazakhstan to name a few. Promotional events have taken place over the later part of the year and have allowed us to meet with thousands of prospective students while saving on travel expenses. Online marketing is yet another way in which we have adapted to the changing times without sacrificing quality.

Student mobility is an important aspect of internationalisation and it has been given special attention especially as travel has been restricted. Over the past several years, the opportunity given to UniSZA students to travel abroad for an educational experience has increased dramatically. From 62 students participating in mobility in 2014, the number has increased

more than 10-fold with 760 students experiencing international mobility in 2019. And while the university continues to place strong financial support behind mobility efforts, 2020 has forced us to revisit the ways in which we can continue to provide an international experience during the Covid-19 pandemic. Again, with the support of all the university faculties and management, UniSZA rapidly adopted a detailed Virtual Mobility Policy that allows for both credited and non-credited activities, including student exchange. This new policy provides the framework upon which faculties plan new ways of conducting international programmes of benefit, giving our students an opportunity to experience the world without leaving home. Immediately after the policy was adopted, several faculties including the Faculty of Health Sciences, the Faculty of Informatics, the Faculty of Applied Social Sciences and the Faculty of Law and International Relations embarked on virtual student exchange and virtual credited mobility programmes. In the few short months virtual mobility has been practiced, 2,210 students have participated in 11 programmes both credited and non-credited.

Even something as simple as inviting a guest lecturer from overseas to conduct a class online has become the 'new normal' for many of the teachers at UniSZA.

The Covid-19 crisis has demanded that we relook at our teaching and learning. It has forced us to adjust the way we once operated, so as to allow students, including international students, to continue to join classes and pursue their studies. The crisis has also asked us to find new ways to support mobility of students and to ensure an international experience becomes part of the classroom. Before the Covid-19 crisis, the chance of taking a course at an international university was remote for many. But today, more students are taking up the challenge and participating in international mobility. Although this mobility is online, it continues to expand cultural understanding among all who participate.



23 Kakitangan UniSZA Sertai Konvoi Merdeka



Seramai 23 orang kakitangan Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar (KKKP), UniSZA menyertai konvoi KKKP Merdeka Ride sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia pada 16 September.

Acara pelepasan peserta konvoi bermotosikal disempurnakan oleh Pengarah KKKP, Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee Hamzah di hadapan pejabat kolej kediaman. Konvoi memulakan perjalanan dari Kampus Gong Badak menuju ke Kampus Besut

sambil mengibarkan Jalur Gemilang di sepanjang perjalanan sejauh 80 kilometer.

Menurut Pengarah KKKP Merdeka Ride, Encik Hasbullah Ismail, program konvoi ini diadakan bertujuan menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan peserta dan pelajar. “Beberapa program telah diadakan di Kampus Besut yang melibatkan pelajar iaitu senamrobik dan pertandingan melukis poster bertemakan Hari Malaysia”, katanya. Susulan daripada program ini, turut berlangsung acara penyerahan Jalur Gemilang yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee kepada wakil pelajar kampus Besut.

Bual Bicara Bersama Legenda Sukan Negara, Nazmizan Muhammad

Program Bual Bicara 60 minit bersama legenda sukan negara, Encik Nazmizan Muhammad telah dilangsungkan secara dalam talian melalui platform Facebook dan YouTube Pusat Sukan UniSZA pada 9 Julai yang lalu. Beliau merupakan pemenang pingat emas acara 100m dan 200m di Sukan Sea 2013 di Vietnam.

Perkongsian selama satu jam ini lebih berkisarkan kepada cara untuk seseorang atlet untuk cemerlang dalam sukan tanpa mengabaikan akademik. Selain itu, beliau yang juga merupakan Pensyarah di Universiti Malaysia Perlis dan Timbalan Pengarah Pusat Sukan UniMAP turut berkongsi kelebihan yang dimiliki oleh seseorang pelajar


sekiranya mereka cemerlang dalam kedua-dua bidang tersebut. Antaranya, mereka akan ditawarkan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Bagi meneruskan kecemerlangan sukan ketika berada di institusi pengajian tinggi, beliau turut menyarankan atlet-atlet yang masih berada di sekolah menengah untuk fokus dalam akademik dan memenuhi syarat kemasukan ke universiti. Dengan langkah ini, sasaran pihak KPT untuk terus cemerlang di peringkat antarabangsa seperti Asean University Games (AUG), World University Games dapat dicapai.





- 1 Program Jelajah PST Berbasikal KPT Tuah Merdeka
- 2 Program Jelajah PST Berbasikal KPT Tuah Merdeka
- 3 Program Jelajah PST Berbasikal KPT Tuah Merdeka
- 4 Program Jelajah PST Berbasikal KPT Tuah Merdeka
- 5 Program Jelajah PST Berbasikal KPT Tuah Merdeka
- 6 Kejohanan E- Sukan Kampus Zon Timur Sem 3
- 7 Kejohanan E- Sukan Kampus Zon Timur Sem 3
- 8 UniSZA Cergas Merdeka
- 9 UniSZA Cergas Merdeka




Judul: Wakaf: Pengenalan dan Perkembangan

Penulis: Mutia Sobihah Abd Halim, Nuranida Zulhaimi

eISBN: 978-967-2231-24-0

Harga: RM16.00

Wakaf: Pengenalan dan Perkembangan adalah sebuah buku berkisarkan tentang pengenalan wakaf terutamanya kepada golongan generasi muda hari ini dan kepentingannya. Idea penulisan buku ini adalah hasil daripada kajian secara ringkas berkenaan pelaksanaan wakaf di Turki untuk dijadikan sebagai panduan asas penjiwaan wakaf dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pengertian penjiwaan wakaf ini dihuraikan dengan iringan matlamat supaya wakaf jiwa ini dapat diaplikasikan oleh setiap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Selain memuatkan elemen penting wakaf dan penjiwaan wakaf, buku ini juga membincangkan tentang pelaksanaan dan pembudayaan wakaf yang dapat diamalkan oleh sukarelawan hasil daripada penulisan yang dikongsikan dalam buku ini.



Judul: Perburuan dari Perspektif Islam

Penulis: Zulkifly Muda, Nizaita Omar

eISBN: 978-967-2231-20-2

Harga: RM19.00

Alam merupakan anugerah Allah s.w.t. buat manusia sebagai sebaik-baik makhluk ciptaan-Nya. Pelantikan manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi adalah untuk memikul amanah mengimarahkan dan memakmurkan alam ini. Aspek pengimarahkan ini termasuklah tugas penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar daripada kerosakan dan kepupusan. Interaksi manusia dengan alam sekitar dan cara mereka menguruskannya demi kelestarian hidupan di bumi telah disentuh oleh Islam dan diperjelaskan dalam al-Quran mahupun hadis sama ada secara langsung atau sebaliknya. Bahkan, para ulama daripada pelbagai mazhab sepanjang zaman turut menggali segala sumber khazanah Islam dalam mendalami perbincangan berkaitan alam sekitar. Buku ini memfokus kepada salah satu isu pencabulan terhadap kestabilan alam iaitu aspek perburuan. Perbincangan dimulakan dengan membahaskan persoalan tanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar dalam memberi tasawur umum kepada pembaca. Perbincangan selanjutnya mengupas tentang hukum-hukum yang berkait dengan aktiviti perburuan. Perincian turut diketengahkan berhubung larangan berburu hidupan liar dari sudut syariat Islam dengan menampilkan pandangan ulama silam dan kontemporari. Penjagaan hidupan liar di Malaysia dijadikan topik akhir penulisan buku ini sebagai memenuhi tanggungjawab sosial untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat supaya prihatin dalam memulihara flora dan fauna di negara ini.



Judul: Mukjizat Al-Quran

Penulis: Nor Hafizi Yusof, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Engku Ibrahim Engku Wok

Zin, Muhamad Fadlly Ismail

eISBN: 978-967-2231-00-4

Harga: RM20.00

Buku Mukjizat al-Quran membahaskan pengenalan mukjizat al-Quran berdasarkan beberapa bidang yang terpilih. Ia juga menjelaskan perkara-perkara penting berkaitan mukjizat al-Quran yang perlu diketahui terutama kepada para pencinta ilmu-ilmu al-Quran. Tajuk-tajuk yang dibahaskan adalah pengenalan dan latar belakang, kajian tentang ilmu I'jaz al-Quran dan perkembangannya. Ia juga menceritakan enam jenis mukjizat dalam al-Quran yang disusun di dalam setiap bab masing-masing iaitu al-I'jaz al-Ghaybi, al-I'jaz al-Ilmi, al-I'jaz al-Tasyri'i, al-I'jaz al-Lughawi, al-I'jaz al-Tibbi dan al-I'jaz al-Nafsi. Kesemua ini diolah dan dipersembahkan dalam tahap yang sederhana bertepatan dengan tajuk Mukjizat al-Quran dan sesuai untuk bacaan umum dan para pelajar sekolah kolej dan universiti.